

**ARAS PENYOALAN DAN PEMIKIRAN DALAM PROSES
PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH
RENDAH**

GOPINAT A/L MUTHY

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Gopinat A/L Muthy**

(No. K/P: **820429-02-6013**)

No. Pendaftaran/Matrik: **TGC 060005**

Nama Ijazah: **Ijazah Sarjana Linguistik**

Tajuk Disertasi ("Hasil Kerja ini"):

Aras Penyoalan Dan Pemikiran Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah

Bidang Penyelidikan: **Sarjana Linguistik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh: 26/02/2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh: 26/02/2013

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti aras kognitif soalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru sekolah rendah. Aspek yang dikaji ialah mengenalpasti kerap penggunaan kategori soalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan mengkaji jenis kata tanya atau frasa tugas yang menggalakkan pelbagai aras pemikiran. Seramai tiga orang guru Bahasa Melayu dan murid-murid tahap dua dari Tahun 4,5 dan 6 dari sebuah sekolah rendah telah dijadikan sampel kajian. Data telah dikumpulkan melalui pemerhatian, catatan dan temubual.

Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga guru gemar menggunakan banyak soalan dalam proses pembelajaran dan pengajaran tetapi persoalannya, adakah guru A, B dan C berjaya menggunakan semua kategori soalan yang ditentukan dengan seimbang atau tidak. Dapatan kajian juga menunjukkan penyediaan guru tidak begitu seimbang ketika menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid Tahun 4,5 dan 6. Ini dapat dilihat menerusi soalan guru iaitu, 34 soalan adalah soalan berbentuk pengetahuan yang mencatat 21.9%, sebanyak 99 soalan kefahaman yang mencatat 63.9%, manakala sebanyak 9 soalan berbentuk analisis yang mencatat 5.8% , sejumlah 11 soalan mewakili soalan sintesis yang mencatat 7.1% dan penilaian sebanyak 2 soalan yang mewakili 1.3%. Dalam kajian ini, soalan aplikasi tidak mencapai sebarang jumlah soalan atau peratus.

ABSTRACT

This research is to identify the level of questioning and thinking in the learning of Bahasa Melayu among primary school teachers. The main aspects studied are the frequency of questions posted to students in the teaching and learning process, the cognitive level of the questioning and the verbs and task phrases used in the teacher's questions. There were 3 Malay language teachers and students from Year 4, 5 and 6 who participated as sample for this research. The data was collected through observation, field notes and interviews with the teachers.

The finding showed all 3 teachers preferred to use questions in the teaching and learning process but the question was whether they had succeeded in using all the categories of questions equally. The finding showed there was an imbalance in the questioning of students in Year 4, 5 and 6. This can be seen from the teachers question's 34 of the questions were the knowledge level questions (21.9%), 99 questions (63.9%) were comprehension, the 9 questions which made up (5.8%) were at the analysis level, 11 questions or 7.1% were synthesis questions and 2 questions (1.3%) were evaluation questions. In this study, application questions were not used at all.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia atas segala bimbingan dan tunjuk ajar sehingga terhasilnya Disertasi ini.

Selain itu, penghargaan juga ditujukan kepada :

En.Supramani, Pn.Sabariah, guru-guru dan staff SKSA yang memberi kerjasama semasa penyelidikan ini dijalankan.

Di samping itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan En.Rajendran, En.Jailani dan Pn.Theivanai atas kerjasama, tunjuk ajar dan dorongan yang diberikan.

Justeru, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada insan yang tidak jemu-jemu memberi semangat dan dorongan kepada penulis, isteri yang tercinta, Rathimathi yang selama ini telah banyak berkorban masa, tenaga dan segalanya dalam memastikan kejayaan saya. Segala pengorbanannya akan tetap dikenang sehingga ke akhir hayat.

Tidak lupa juga penghargaan buat keluarga dan mertua saya yang selama ini merestui dan begitu memahami keadaan hingga saya berjaya menamatkan pengajian.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat, segala jasa yang terlibat, segala jasa yang diberi amat dihargai

Gopinat a/l Muthy

SENARAI KANDUNGAN

Tajuk	Muka surat
Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual	xi

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Kesimpulan	8

BAB 2: KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.0 Pendahuluan	9
2.1 Definisi Penyoalan	9
2.1.1 Kepentingan Penyoalan Dalam Proses Pengajaran Dan	10

Pembelajaran	
2.1.2 Keberkesanan Penyoalan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	11
2.2 Teori Kefahaman Berdasarkan Taksonomi Bloom (1956)	12
2.3 Aras Kognitif Soalan Teori Noor Rohana Mansor (2006)	15
2.4 Soalan	17
2.5 Aras Pemikiran	19
2.6 Kata Tanya Dan Frasa Tanya	20
2.7 Peringkat Perkembangan Frasa	21
2.8 Kepentingan Frasa Tugas Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	22
2.9 Penggunaan Frasa Tanya Dalam Penyoalan	23
2.10 Kerangka Teoritis	24
2.11 Kesimpulan	25
BAB 3: METODOLOGI	
3.0 Pendahuluan	26
3.1 Reka Bentuk Kajian	27
3.2 Pemilihan Responden Dan Tempat Kajian	27
3.3 Sampel Kajian	28
3.4 Instrumen Kajian	29
3.4.1 Panduan Analisis Aras Kognitif Soalan Dan Kategori Soalan	29
3.4.2 Temubual	30
3.5 Ujian Rintis	30
3.5.1 Penilaian Pakar	31

3.6 Prosedur Pengumpulan Data	32
3.6.1 Prosedur Pengumpulan Data Pemerhatian	34
3.6.2 Proses Pengumpulan Data Temubual	36
3.7 Prosedur Analisis Data	36
3.8 Kesimpulan	37

BAB 4: ANALISIS DATA

4.0 Pendahuluan	38
4.1 Soalan Aras Pengetahuan	39
4.2 Soalan Aras Kefahaman	44
4.3 Soalan Aras Aplikasi	47
4.4 Soalan Aras Analisis	47
4.5 Soalan Aras Sintesis	51
4.6 Soalan Aras Penilaian	54
4.7 Analisis Penggunaan Kata Atau Frasa Tanya Mengikut Aras Kognitif Taksonomi Bloom Dalam Penyoalan	56
4.8 Aras Pengetahuan	57
4.9 Aras Kefahaman	66
4.10 Aras Aplikasi	85
4.11 Aras Analisis	87
4.12 Aras Sintesis	89
4.13 Aras Penilaian	92
4.14 Kesimpulan	94

BAB 5: DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.0 Pendahuluan	95
5.1 Ringkasan Kajian	95
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	95
5.3 Implikasi Kajian	101
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	102
5.5 Kesimpulan	103
RUJUKAN	104
SENARAI LAMPIRAN	110

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Hierarki Taksonomi Bloom (1956)	13
2.2 Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan Noor Rohana Mansor (2007)	16

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Aras Pemikiran	20
2.2 Jenis Kata Tanya Dan Fungsi	22
3.1 Latar Belakang Guru (Sampel Kajian)	28
3.2 Pelajaran Guru	33
4.1 Jumlah Soalan Yang Telah Dikemukakan Oleh Guru Berdasarkan Aras Kognitif	39
4.2 Bilangan Soalan Aras Pengetahuan	40
4.3 Bilangan Soalan Aras Kefahaman	45
4.4 Bilangan Soalan Aras Analisis	49
4.5 Bilangan Soalan Aras Sintesis	52
4.6 Bilangan Soalan Aras Penilaian	54
4.7 Kata Tanya/ Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Pengetahuan	58
4.8 Kata Tanya/ Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Kefahaman	67
4.9 Kata Tanya/ Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Aplikasi	85
4.10 Kata Tanya/ Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Analisis	87

4.11	Kata Tanya / Frasa Tugas an Aras Kognitif Soalan Sintesis	89
4.12	Kata Tanya / Frasa Tugas an Aras Kognitif Soalan Penilaian	92
5.1	Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas an Aras Pengetahuan Yang Telah Digunakan Oleh Guru.	97
5.2	Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas an Aras Pemahaman Yang Telah Digunakan Oleh Guru.	97
5.3	Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas an Aras Analisis Yang Telah Digunakan Oleh Guru.	98
5.4	Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas an Aras Sintesis yang Telah Digunakan Oleh Guru.	99
5.5	Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas an Aras Penilaian Yang Telah Digunakan Oleh Guru.	100

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Sistem pengajaran dan pembelajaran di negara Malaysia ialah sesuatu perkara yang memerlukan tindakan berterusan untuk tujuan memperkasakan tahap potensi seseorang murid secara global dan menyeluruh supaya dapat melahirkan modal insan yang seimbang dari segi JERIS iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kurikulum Standard, 2011). Pemupukan ini disalurkan kepada setiap murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Malah, pengajaran dan pembelajaran memberi penegasan daripada aspek perkembangan intelek yang melibatkan kemahiran berfikir seseorang ke arah pemikiran yang lebih kritis dan kreatif (Noor Rohana Mansor, 2007). Tanggungjawab ini dipikul di bahu semua golongan pendidik untuk merangsang daya berfikir dalam kalangan murid menerusi aktiviti yang dijalankan oleh guru di bilik darjah.

Proses kemahiran berfikir ialah satu proses yang berasaskan kepada beberapa aspek khusus, seperti pembentukan landasan pemikiran yang kukuh, penguasaan kemahiran asas dan pelaksanaan operasi kognitif perlu diadun secara berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Daya pemikiran yang kreatif dan inovatif ialah satu proses di mana ianya bergantung kepada soalan yang dikemukakan oleh guru berkaitan isi pembelajaran. Setelah proses itu, baharulah soalan akan menentukan tahap kebolehan pemikiran individu. Oleh itu, untuk membolehkan murid berfikir, pihak guru seharusnya bijak untuk mengemukakan soalan-soalan yang dapat merangsang tahap pemikiran individu atau murid. Menurut Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011), menyatakan bahawa aras soalan yang dikemukakan oleh guru memainkan peranan

untuk membantu murid mencapai tahap keupayaan perkembangan kognitif yang diperlukan dalam sesebuah soalan. Hal ini jelas membuktikan pengisian yang terdapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting. Selain itu, teknik penyoalan juga berupaya mewujudkan interaksi dua hala yang positif di antara guru dan murid secara berkesan. Tahap atau peringkat soalan yang dikemukakan oleh guru haruslah menguji atau menilai apa yang telah disampaikan oleh guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berjalan bersama murid di dalam bilik darjah. Bagi mencapai peringkat ini, aspek Taksonomi perlu diaplikasikan dalam soalan dan ini sekaligus menyokong pendapat yang dikemukakan oleh beberapa tokoh pendidik seperti Bloom (1956), Sanders (1966), Barrett (1972), Santoz (1976), Pearson & Johnson (1978) dan Lambert & Lamb (1980) sebagai usaha membantu kalangan para pendidik khususnya, membina soalan yang terdiri daripada aras rendah dan aras tinggi, berkualiti dan berkesan dalam menjana dan memberikan cabaran baru kepada pemikiran semua murid demi mencapai kecemerlangan dalam teknik berfikir.

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam era kini, dunia pembelajaran telah mengalami perubahan dan perkembangan yang sangat drastik, khususnya dalam proses penambahbaikan bidang kurikulum dunia pendidikan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha menyemak dan membuat penambahbaikan khususnya dalam bidang kurikulum. Selaras dengan langkah tersebut, bidang kurikulum yang menumpukan mata pelajaran Bahasa Melayu turut melalui proses penjenamaan dan penambahbaikan di Kementerian Pendidikan Malaysia hingga terbentuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Sistem (KSSR) ini memainkan peranan penting untuk mendidik murid sekaligus untuk merangkumi isi pengetahuan, menerapkan kemahiran dan memupuk

nilai murni dalam kehidupan. Dengan ini, ia akan membantu sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu agar memperkasakan lagi Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, serta bahasa pengantar di sekolah.

Pembinaan sukatan standard ini adalah berlandaskan sukatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Sukatan standard ini telah memperkenalkan satu pendekatan modular dan pembelajaran secara didik hibur bagi mengenalpasti dan mencungkil potensi yang ada pada setiap murid untuk meneroka pembelajaran yang baharu. Ia membolehkan murid meningkatkan keupayaan dalam penguasaan kemahiran bahasa, serta berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua kegiatan harian. Sukatan Standard Kurikulum Bahasa Melayu yang ada di sekolah kebangsaan telah dikemaskinikan dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama (Kurikulum Standard, 2011). Oleh itu, pengajaran Bahasa Melayu menjadi alat pengukur kepada guru-guru untuk menjana keupayaan berfikir dalam kalangan murid. Proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah telah menggunakan pelbagai kaedah serta teknik pengajaran di kalangan murid. Soalan yang dikemukakan oleh guru harus menguji dan dapat menilai isi pengajaran yang disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru memainkan peranan penting untuk memilih cara pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut tahap serta kebolehan murid. Hasil serta pencapaian sesuatu proses pengajaran adalah bergantung kepada pengolahan teknik dan persediaan guru dalam menyediakan bahan bantu mengajar, serta menggunakan aplikasi teknologi yang dapat menarik perhatian dan menggalakkan murid supaya mewujudkan interaksi dua hala serta berfikir dengan lebih kritis, kreatif dan inovatif. Dalam hal ini, keupayaan

berfikir murid mempunyai pertalian dengan pendedahan dan penggunaan soalan dan penyoalan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Keberkesanan tahap pemikiran murid juga bergantung kepada isi pengajaran yang diterima menerusi soalan yang pelbagai yang menguji aras perkembangan kognitif dalam bidang kurikulum. Teknik pembinaan soalan yang mengikut aras perkembangan kognitif merupakan perkara yang penting dalam menentukan tahap kebolehan pemikiran murid bagi keseluruhan pembelajarannya yang diterima dalam sesuatu sesi pembelajaran (Sanders, 1966).

Penggunaan soalan-soalan yang berkesan dalam pengajaran Bahasa Melayu juga diperlukan bagi menjana pemikiran murid supaya berfikir secara rasional untuk menangani masalah yang wujud dalam aspek kemahiran berbahasa. Jenis soalan dan teknik penyoalan adalah salah satu faktor yang dapat membantu murid membuat penilaian, memberikan pandangan, menjana tahap pemikiran secara kritis dan kreatif, mencapai kebolehan untuk menilai pencapaian iaitu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001, ms.43). Teknik penyoalan juga boleh didefinisikan sebagai satu teknik pengucapan yang dapat menjana daya pemikiran seseorang murid jika digunakan secara berkesan oleh guru dalam bilik darjah (Supramani, 2006).

Sebenarnya, guru menjadi asas dalam mengasuh serta meluaskan potensi pemikiran murid. Bagi melaksanakannya, golongan pendidik bertanggungjawab untuk menjanakan proses berfikir dalam kalangan murid menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Proses berfikir adalah satu proses yang sukar diukur dan kompleks, iaitu melibatkan beberapa peringkat dan tahap dalam aspek pemikiran dan metakognitif yang memberikan faedah dan kesan yang utama dalam pembelajaran yang berkesan di

bilik darjah. Keadaan ini, sebenarnya dapat menyediakan lepasan murid yang mantap dengan ilmu pengetahuannya, serta dapat berfikir dengan wajar. Tetapi, persoalannya sejauh manakah proses ini berjaya menilai pemikiran murid dan mengarahkan mereka ke arah pembelajaran yang lebih produktif. Menurut Noor Rohana Mansor (2007), soalan yang dibina dan dikemukakan wajar berdasarkan kepada klasifikasi hierarki aras kognitif soalan bagi menjamin penggunaan kepelbagaian aras penyoalan ke arah menerapkan kemahiran berfikir dan memantapkan pemikiran murid.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru didapati kurang menggunakan pelbagai kategori penyoalan di dalam kelas. Kajian Seman (2005), Waheedawati (2003) dan Roselan (2001), membuktikan penggunaan kepelbagaian teknik penyoalan guru seharusnya berkisar pada aras perkembangan kognitif yang berada paling rendah. Guru lebih banyak menggunakan kategori penyoalan yang beraras rendah. Kegagalan proses pengajaran yang dilaksanakan oleh seseorang guru dapat dilihat dengan kegagalan guru untuk menjana tahap pemikiran murid. Ini mengakibatkan kurangnya penglibatan murid dalam memberi tindak balas dan respon semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dijalankan. Sebagai contoh, kajian Waheedawati (2003) mendapati bahawa terdapat guru yang tidak menguasai dan mengabaikan teknik serta kaedah ketika mengemukakan soalan kepada murid semasa mereka di dalam bilik darjah. Jenis soalan yang dikemukakan hanya soalan yang berada di aras yang rendah dan tidak mencabar serta kurang merangsang daya pemikiran murid. Kajian Seman (2005), juga memperlihatkan pola soalan yang dikemukakan kepada murid adalah soalan yang mudah dan murid hanya menguasai asas pengetahuan sahaja. Selain itu, guru jarang menggunakan soalan yang beraras tinggi semasa pengajaran dan pembelajaran. Menurut Balakrishnan (2002) dan Muhundhan (2002), mereka

berpendapat bahawa kemahiran berfikir melalui teknik penyoalan adalah kurang diaplikasikan dalam kalangan para guru ketika mereka menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, kajian yang dilaksanakan oleh Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011) telah membuktikan bahawa dalam teknik penyoalan, para guru kurang mengambilkira unsur kemahiran tahap berfikir murid. Hal ini berlaku disebabkan kewujudan situasi di mana tahap pemikiran murid kurang aktif setelah diajukan dengan soalan yang kurang mencabar dan berada pada aras yang rendah. Kesan daripada segelintir guru yang menggunakan soalan-soalan yang beraras rendah gagal melahirkan murid yang berfikiran matang. Malah, guru-guru juga gagal menggunakan pelbagai frasa kata atau kata tanya yang boleh merangsang pemikiran murid ke arah proses mewujudkan murid yang seimbang. Guru-guru lebih cenderung menggunakan tugas soalan yang mencetuskan aras pemikiran rendah berbanding aras pemikiran tinggi seperti mengecam atau mengingat yang menyoal definisi, fakta khusus dan teori serta struktur. Selain itu, guru-guru lebih peka mengaplikasikan tugas soalan yang membawa perkara yang menjelaskan, menggunakan idea daripada teks dan juga menjelaskan bahan teks. Jika masalah ini tidak dikenalpasti, maka usaha melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan akan gagal sama sekali.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti kekerapan penggunaan kategori penyoalan dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu.
- ii. Mengkaji jenis kata tanya atau frasa tugas yang menggalakkan pelbagai aras pemikiran.

Daripada objektif tersebut, berikut adalah soalan kajian yang akan dijawab dengan menggunakan metodologi yang bersesuaian.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Berapakah kekerapan soalan yang dikemukakan oleh guru Bahasa Melayu mengikut setiap aras kognitif Taksonomi Bloom?
- ii. Apakah kata tanya atau frasa tugas yang digunakan mengikut setiap aras kognitif Taksonomi Bloom?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu dalam membentuk soalan-soalan bagi pengujian pada enam aras kognitif soalan yang akan dikaji berdasarkan Taksonomi Bloom (1956). Melalui hasil kajian yang dijalankan, para guru dapat mencari jalan untuk mengenalpasti aras penguasaan kemahiran dan teknik penyoalan yang efektif, serta dapat menjana daya pemikiran dan aras pemikiran murid dengan lebih baik. Kajian ini bertujuan mengukur tahap kognitif murid berdasarkan aras kognitif soalan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Selain itu, dengan adanya kajian ini diharapkan ia akan membantu guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu agar mudah untuk merancang objektif pengajaran yang efisien dan efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bersama murid.

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian yang telah diambil kira semasa memulakan penyelidikan terhadap objektif kajian adalah respons murid tidak dikaji sepenuhnya, tetapi hanya diambil kira setakat mengukuhkan analisis dan rumusan penyoalan guru. Penyelidikan ini akan

berfokus kepada kekerapan guru Bahasa Melayu menggunakan kaedah penyoalan dan frasa tanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran sahaja.

1.7 Kesimpulan

Bab ini merupakan bab pendahuluan kepada maklumat asas untuk menjelaskan kajian sahaja. Penerangan secara umum dan khusus telah dinyatakan bagi menyokong objektif dan soalan kajian. Melalui kajian ini, penyelidik ingin menjalankan penyelidikan secara terperinci untuk mengenalpasti penggunaan kategori penyoalan dan mengkaji jenis kata tanya atau frasa tanya yang menggalakkan pelbagai aras pemikiran dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu. Bab seterusnya akan menerangkan teori-teori serta dapatan dan metodologi yang digunakan dalam kajian lampau berkaitan dengan penggunaan penyoalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

BAB 2

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.0 Pendahuluan

Kajian ini tertumpu kepada aras kognitif soalan dan penggunaan frasa tanya dalam pembinaan aras pemikiran murid. Bab ini membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan aras kognitif soalan, penggunaan frasa tanya dan kajian-kajian berkenaan aras kognitif soalan.

2.1 Definisi Penyoalan

Guru menggunakan teknik penyoalan sebagai satu cara untuk menerangkan definisi, kandungan dan dasar sesuatu perkara serta mempertajamkan fikiran murid. Menurut Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011), kepelbagaian teknik dan kaedah seseorang guru semasa mengemukakan soalan merupakan salah satu faktor yang penting bagi memastikan murid dapat memahami dan menerima isi pengajaran yang disampaikan di dalam bilik darjah. Di sini, kemahiran guru untuk mengemukakan soalan adalah penting untuk memastikan objektif pengajaran dapat dicapai dan proses pengajaran itu berjaya. Berikut adalah beberapa kaedah yang boleh dikenalpasti untuk mengukur tahap keberkesanan dan kejayaan proses pengajaran itu.

- Menyediakan suasana pembelajaran yang selesa
- Mengenalpasti potensi dan daya pemikiran murid
- Mengemuka dan memberikan pendapat dengan idea yang jelas
- Mencabar daya imaginasi murid
- Mencipta sesuatu yang baru dalam melaksanakan sebarang tindakan

Teknik dan kaedah penyoalan merupakan suatu perkara yang harus digunakan oleh para guru untuk mengenalpasti kejayaan mereka dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Teknik ini telah digunakan daripada tahap prasekolah sehingga ke tahap universiti. Dapatan kajian Steven (1912), menerangkan bahawa guru menggunakan 80% masa pengajaran dan pembelajarannya untuk menyoal murid. Manakala hasil kajian Levin dan Long (1981), menyatakan bahawa sebanyak 300 hingga 400 soalan ditujukan oleh guru kepada murid dalam masa sehari.

2.1.1 Kepentingan Penyoalan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Brown dan Edmondson (1989) telah menjalankan kajian yang lebih kurang sama 13 tahun sebelum itu ke atas 40 orang guru dan kesan penggunaan penyoalan terhadap empat kumpulan murid. Pertamanya, murid daripada kumpulan aras cemerlang. Keduanya, daripada kumpulan aras sederhana. Ketiganya, daripada kumpulan aras rendah dan akhirnya daripada ketiga-tiga aras kumpulan murid tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori kumpulan aras tinggi bertujuan merangsang daya pemikiran murid, manakala kumpulan aras rendah untuk mengenalpasti kefahaman murid. Kumpulan aras rendah adalah untuk menarik perhatian mereka dan kumpulan terakhir untuk menarik perhatian murid, serta memahami tugas.

Brown dan Wragg (1993) membuktikan para pendidik menggunakan beratus-ratus soalan pada setiap minggu. Walaubagaimanapun, jenis soalan perlu diberi perhatian kerana beliau mendapati soalan-soalan yang dikemukakan adalah pelbagai jenis, ada yang memerlukan jawapan yang pendek dan jawapan panjang yang memerlukan murid-murid berfikir pada tahap yang lebih kompleks.

Keberkesanan pencapaian objektif pengajaran bergantung pada aktiviti penysoalan guru terhadap murid dalam bilik darjah (Brown & Wragg, 1993). Kajian Brown dan Wragg (1993) dijalankan terhadap 910 orang guru sekolah rendah di Amerika Syarikat tentang alasan mereka bertanya soalan dalam bilik darjah yang mungkin bermula dengan soalan seperti ‘Apa khabar?’ sehingga mengakhiri pengajaran dengan frasa ‘Adakah anda faham terhadap pelajaran hari ini?’. Kajiannya menunjukkan bahawa kebanyakan guru bertanya soalan hanya untuk mencungkil pengetahuan dan kefahaman terhadap subjek yang diajar serta membuat ulangkaji terhadap topik. Sebaliknya, hanya 8% guru didapati bertanya soalan untuk meningkatkan aras pemikiran murid (Brown & Wragg, 2001). Ketiga-tiga kajian berhubung aspek penggunaan soalan di atas jelas membuktikan bahawa soalan dapat menggerakkan keupayaan berfikir, dan memberi impak yang mendalam ketika melakukan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran soalan berperanan dalam menggerakkan komunikasi bilik darjah dan menjadi perangsang minda murid untuk berfikir. Dalam hal ini, pendidik adalah penggerak untuk merangka strategi dan menyalurkan kemahiran bagi menampilkan kepelbagaian bentuk soalan dan penysoalan dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Jika objektif ini berjaya, maka baharulah tercapai matlamat yang menggalakkan aras pemikiran murid. Justeru soalan yang diajukan terhadap murid berdasarkan pada tahap dalam Taksonomi Bloom (1956), maka guru lebih mudah untuk mengenali tahap pengukuhan yang boleh diberikan kepada murid dan penumpuan juga diberikan kepada murid (Seth Sulaiman dan Jamil Tarmizi, 2010).

2.1.2 Keberkesanan Penysoalan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Jenis soalan yang ditanya menjadi elemen penting untuk mempengaruhi keupayaan pemikiran murid. Hal ini, diutarakan oleh Fraenkel (1986), bahawa pencapaian serta proses pemikiran murid dapat diperbaiki dengan banyak soalan yang beraras kognitif


tinggi yang ditanya oleh guru. Dapatan kajian D'Angelo dan Mahlios (1983), menyatakan bahawa 70 orang murid sekolah rendah yang disoal oleh mereka dengan soalan aras kognitif tinggi dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, telah memberi kesan yang semakin baik terhadap murid-murid itu. Di samping itu, murid-murid tersebut juga memberi reaksi positif terhadap Pendidikan Moral dengan soalan aras kognitif tinggi yang ditujukan. Penyoalan aras kognitif tinggi juga digunakan dalam pengajaran bahasa. Hasilnya, penglibatan murid dalam kelas menjadi semakin baik dan pencapaian murid menjadi semakin tinggi.

2.2 Teori Penyoalan Berdasarkan Kefahaman Taksonomi Bloom

Tujuan perkataan Taksonomi digunakan ialah untuk mengelaskan matlamat-matlamat sistem pendidikan. Sebagai langkah pertamanya, pengelasan ini berpusatkan murid yang menjadi pengelasan gerak-geri dengan dimensi psikomotor. Setiap pengelasan domain dibahagikan kepada beberapa kategori yang mengandungi susunan sistematik secara berurutan tahap pengetahuan dengan gambaran perubahan tingkah laku murid (Krathwohl, 1964; Sanders, 1966). Menurut Mohammad Yusof & Fatimah Zaharah (2011), dalam kajian yang melibatkan kertas 1 dan kertas 2 matematik SPM dari tahun 2003 hingga 2006 yang diuji berdasarkan enam aras kognitif Taksonomi Bloom, jelas memperlihatkan bahawa tahap kognitif yang sering diuji kepada murid berada pada tahap rendah bagi kertas 1 manakala kertas 2 soalan matematik SPM berada pada tahap kognitif yang tinggi. Selain itu, menurut Eby (1998), kebanyakan guru yang mengaplikasikan Taksonomi Bloom untuk mengemukakan soalan-soalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih kepada proses pemikiran yang tinggi.

Dimensi kognitif yang terkandung dalam Taksonomi Bloom mempunyai pembahagian secara hierarki dan terkumpul yang mana membincangkan tentang pengingatan kembali

dan perkembangan kemahiran intelek serta kebolehan sasaran. Terdapat beberapa kriteria dalam mengenalpasti tahap dan peringkat menjana perkembangan kognitif murid. Kepelbagaian soalan yang dikemukakan dan mempunyai aras yang berbeza adalah penting. Soalan yang dikemukakan hendaklah terdiri daripada aras soalan yang mudah atau rendah dan aras soalan yang tinggi atau susah. Ini sekaligus dapat merangsang pemikiran murid tentang apa yang dipelajari dalam sesi pembelajaran itu. Oleh yang demikian, para guru seharusnya menjadikan ini rujukan untuk membina soalan yang lebih berkualiti dan mengambilkira tahap dan peringkat pemikiran serta mencabar daya pemikiran intelek murid. Teori penyooalan kefahaman Taksonomi Bloom (1956), telah disusun kepada enam tahap seperti yang terkandung dalam domain kognitif seperti Rajah 2.1.



Rajah 2.1 : Hierarki Taksonomi Bloom

i. Pengetahuan

Pandangan yang dikemukakan oleh Noor Rohana Mansor (2009) menyatakan aras pengetahuan meliputi kebolehan untuk mengingat semula dan mengimbas perkara yang telah berlaku, perkara khusus dan sejagat, kaedah-kaedah dan memproses, mencorak,

dan menstruktur. Tujuan tingkah laku melalui aras pengelasan ini meliputi kemahiran seperti memerhati, mengenalpasti dan mengingat maklumat penting, unsur penting, konsep, perkataan, cara, rumus, dasar serta maklumat-maklumat utama dalam kejadian atau perkara yang berkaitan dengan kandungan input.

ii. Kefahaman

Aras kefahaman boleh didefinisikan sebagai keadaan memberi penjelasan atau makna kepada sesuatu perkara dengan jelas dalam bahasa tersendiri dan mudah difahami oleh pihak lain. Aras kefahaman ini dapat diklasifikasikan lebih tinggi berbanding aras pengetahuan. Ia bukan sahaja memerlukan murid mengingat kembali fakta-fakta pengetahuan tetapi juga memerlukan kebolehan menerangkan atau memberi makna kepada fakta tersebut (Mok, 1992).

iii. Aplikasi

Aplikasi merujuk kepada aras kebolehan untuk memerlukan calon menyelesaikan masalah dengan kebolehan diri sendiri. Hal ini dikaitkan dengan individu tersendiri dalam bentuk idea umum, mengimbas perkara yang telah berlaku dan pelbagai kaedah untuk menyelesaikan masalah yang mempunyai unsur persamaan.

iv. Analisis

Aras analisis merangkumi kebolehan untuk membahagikan sesuatu yang kompleks kepada yang kecil, membezakan fakta daripada idea yang menjadi pembahagian data. (Taksonomi Bloom, 1956).

v. Sintesis

Sintesis ialah aras pengelasan kebolehan untuk pencantuman serta pengorganisasian elemen-elemen dalam konteks yang baharu yang akan mencipta satu kesimpulan baharu. Ini membabitkan proses pengurusan segala pecahan dan bahagian (Noor Rohana Mansor, 2009).


vi. Penilaian

Definisi yang dapat diklasifikasikan berkaitan aras penilaian ialah pengelasan sesuatu yang tertinggi dalam aras perkembangan kognitif. Aras ini merangkumi kebolehan untuk membuat penilaian dan mengenalpasti kewajaran atau pengadilan berlandaskan ciri-ciri yang diberi. Ini diteliti daripada sudut pertimbangan tentang nilai bahan dan cara-cara objektif yang dicapai. Penilaian ini sama ada secara kualitatif atau kuantitatif, menilai bagaimana bahan-bahan dan cara tersebut memenuhi ciri yang ditentukan oleh murid ataupun yang dikemukakan kepadanya. Target gerak-geri merangkumi kemahiran-kemahiran yang membabitkan penggunaan piawai pengujian untuk benda seperti definisi, kandungan, faktor-faktor dan idea-idea dari sudut ketepatan kebenarannya.

2.3 Aras Kognitif Soalan (Teori Noor Rohana Mansor)

Model aras kognitif soalan merupakan satu instrumen senarai semakan kod analisis untuk meneliti aspek-aspek aras kognitif soalan dalam bahan kurikulum pendidikan (Noor Rohana Mansor, 2007). Model ini dibina berasaskan input teori daripada domain kognitif Taksonomi Bloom (1956), di samping beberapa model Taksonomi soalan lain dengan pengubahsuaian dan pindaan mengikut kehendak dan keperluan perkembangan pendidikan. Pada dasarnya, model aras kognitif soalan mengandungi komponen-komponen kategori serta pecahan sub-sub komponen secara spesifik untuk membina

soalan-soalan yang disusun mengikut perkembangan logik dan rasional berasaskan kepelbagaian dalam aras perkembangan kognitif dan dari aras rendah kepada aras tinggi. Ini merupakan teori yang diaplikasikan dalam menganalisis penggunaan kepelbagaian ciri aras perkembangan kognitif soalan yang akan dikemukakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bersama murid di dalam bilik darjah. Binaan-binaan item dalam model aras kognitif soalan berasaskan struktur organisasi kod dibahagikan kepada beberapa komponen utama serta sub-sub pecahan komponennya yang lebih khusus berhubung aspek soalan dan penyoalan. Lakaran teori model aras kognitif soalan Noor Rohana Mansor (2007) adalah seperti dalam Rajah 2.2.



Rajah 2.2: Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan Noor Rohana Mansor (2007)

Oleh itu, teori analisis aras kognitif soalan telah menjadi sumber pegangan dalam perkembangan pengujian dan penilaian untuk mengenalpasti aras kognitif soalan dalam kalangan guru ketika melakukan proses pengajaran dan pembelajaran (Noor Rohana Mansor, 2007). Tambahan pula, model aras kognitif soalan ini menjadi perkara utama kriteria pembentukan soalan untuk menjana daya pemikiran murid dan menilai tahap kebolehan perkembangan berfikir murid.

2.4 Soalan

Sebagai seorang manusia secara automatiknya, kita berfikir dan bertanya kepada diri sendiri apabila melihat sesuatu objek. Ini menunjukkan bahawa kita akan menjana sesuatu dengan pelbagai soalan dan merangsang perasaan serta keinginan untuk mengetahui sesuatu sekaligus menjadi proses pemikiran untuk mencari jawapan yang terbaik dan jelas. Proses ini juga berlaku dalam kalangan murid iaitu sebaik sahaja guru mengajukan soalan yang mencabar tahap pemikiran mereka. Menurut Omardin (1999), kaedah penyoalan yang digunakan oleh seseorang guru haruslah efektif dan ini akan memudahkan guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Di samping itu, teknik penyoalan merupakan cara untuk mewujudkan komunikasi secara lisan di antara guru dan murid. Menurut M. Mojibur (2010), kemahiran alat komunikasi lisan dapat diukur keupayaannya melalui teknik komunikasi dua hala yang melibatkan guru dan murid. Jelas terbukti, teknik penyoalan berupaya untuk mewujudkan interaksi dua hala yang baik. Soalan-soalan yang dibina oleh guru seharusnya dapat mencungkil pengetahuan sedia ada murid dan tahap kefahaman isi pengajaran yang disampaikan oleh guru. Penilaian dapat dijalankan dan dinilai dengan melihat kepada kebolehan seseorang guru dalam mengemukakan soalan yang mampu membimbing murid untuk memberikan idea yang jelas dan mengembangkan aras pemikiran mereka. Menurut kajian Mohamad Mohsin dan Nasruddin (2008), jika seseorang guru itu tidak mendapat kerjasama yang baik daripada murid, maka menjadi sukar untuk mewujudkan suasana yang kondusif. Oleh itu, cara yang terbaik untuk mewujudkan suasana yang selesa dan kondusif dalam bilik darjah adalah dengan menjalin hubungan interaksi dua hala di antara guru dan murid. Guru seharusnya tidak mendominasi dan mengawal sesi pembelajaran, sebaliknya harus memastikan bahawa murid juga harus memberikan kerjasama dan tindak balas yang aktif sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Menurut Muhamad Suhaimi Taat et al. (2012)

pula, guru perlu menyediakan murid dengan pengalaman pembelajaran yang membolehkan mereka mengaitkan pembelajaran di bilik darjah dengan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian.

Menurut Tan (1997), menjelaskan bahawa penyoalan adalah satu pendekatan pengajaran yang lebih berpusat kepada seseorang individu atau murid. Langkah ini diaplikasikan daripada pendapat yang menyatakan bahawa persekitaran yang terbuka dan kondusif bagi melahirkan kreativiti seseorang individu. Sesi pengajaran yang dijalankan haruslah menggunakan kaedah pengajaran interaksi dua hala atau berpusatkan murid yang akan melahirkan keseronokan, menglibatkan diri dalam aktiviti bilik darjah, menanam konsep sendiri dan mengenalpasti bakat murid sekaligus menyahut seruan kementerian bahawa murid di peringkat sekolah rendah seharusnya diberikan pengajaran yang menggunakan kaedah bermain sambil belajar. Tambahan pula, menurut Cropley (1999), penyoalan dalam pengajaran berpusatkan murid akan dapat membantu guru untuk menilai dan mengenalpasti tingkah laku murid seperti tekun, tabah, naluri ingin tahu, berkebolehan menempuh cabaran, sentiasa bersedia untuk menanggung risiko dan mempunyai keazaman yang tinggi dalam diri.

Seterusnya, strategi penyoalan yang melibatkan murid dalam eksperimen akan dapat memupuk dan memperkembangkan kemahiran membuat inferens dalam bidang sains. Menurut Abu Hassan dan Meor Ibrahim (2006), dalam kurikulum sains dan matematik yang baru, proses pemerolehan pengetahuan dan kemahiran dilakukan secara bersama, dan dapat melahirkan kecerdasan para murid. Ini dapat meningkatkan tahap pemikiran seseorang murid itu. Setelah menjalankan kajian, Dillashaw & Okey (1980) berpendapat bahawa proses sains mempunyai korelasi iaitu pemeringkatan daya berfikir aras formal seperti yang dikemukakan oleh Piaget. Penguasaan kemahiran berfikir ini adalah

penting kerana terdapat kajian yang mencatatkan bilangan dewasa yang belum mencapai kebolehan menaakul pada peringkat format adalah tinggi (Chiappetta, 1997). Hal ini jelas menjuruskan bahawa penyoalan merupakan elemen penting untuk mengenalpasti daya pemikiran seseorang individu. Oleh yang demikian, para guru perlu membimbing murid di peringkat awal tentang aras soalan dan cara menjawabnya berdasarkan Taksonomi Bloom, maka murid dapat mempelajari aras menganalisis dengan lebih baik dari segi mengkategorikan, membuat pengelasan, menyusun, memilih, menaakul dan menghubungkan. Menurut Som dan Mohd Dahlan (1998), pula menerangkan bahawa soalan merupakan alat yang dapat menolong seseorang menggunakan minda dengan lebih berkesan supaya dapat menyampaikan pemikiran seseorang dengan lebih sistematik dan mudah difahami.

Menurut Tee *et al.* (2010) pula, kemahiran berfikir dapat dipelajari dengan lebih cepat dan berkesan dengan bantuan alat penyoalan. Alat penyoalan yang dimaksudkan di sini adalah instrumen yang dapat membantu untuk berfikir lebih sistematik dan berkesan. Dengan menggunakan alat berfikir ini, idea-idea yang disampaikan akan menjadi lebih tersusun, jelas dan mudah difahami (Tee *et al.*, 2010). Justeru, antara yang tercakup dalam alat berfikir yang biasa digunakan oleh murid mahupun pendidik adalah seperti soalan dan penyoalan, pengurusan grafik, peta minda, dan CoRT (*Cognitive Research Trust*).

2.5 Aras Pemikiran

Pemikiran merupakan proses mendapatkan dan mengumpulkan segala maklumat serta pengetahuan yang diperoleh daripada sumber dalaman ataupun sumber luaran (Supramani, 1998). Pemikiran merupakan keupayaan mengemukakan pendapat, membentuk semula pengalaman dan penyusunan maklumat mengikut peringkat

keutamaannya (Kurikulum Standard Sekolah Rendah, 2011). Berdasarkan pemikiran yang dinyatakan, pemikiran dapat didefinisikan sebagai proses menggunakan kebolehan minda sama ada untuk mencari makna, pemahaman terhadap sesuatu perkara dan mengenalpasti cara penyelesaian masalah. Aras pemikiran adalah sangat penting untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian manusia (Tee, *et al.*, 2009b). Aras pemikiran dapat menjadikan murid berfikir lebih dalam dan memudahkan interaksi dengan pihak yang mengajukan pelbagai soalan (Tee, *et al.*, 2009b). Menurut Afandi Bin Kamaruzaman *et al.* (2012), aras pemikiran boleh dikategorikan kepada beberapa bentuk mengikut aras tertentu seperti Jadual 2.1.

Jadual 2.1 Aras pemikiran

1.	Aras Khayalan Atau Angan- Angan	Aras khayalan atau angan-angan merupakan aras yang paling rendah. Pada tahap ini, kegiatan mental akan berhubung dengan minat dan berkait rapat dengan kecenderungan berbentuk 'escapism', iaitu melarikan diri dari dunia sebenar ke dunia khayalan.
2.	Aras penikmatan Rasa Indah	Aras ini lebih baik daripada aras khayalan. Pada tahap ini, gerak balas mental mempunyai komponen emosi yang kuat. Pemikiran pada tahap ini tertumpu kepada penghargaan terhadap nilai seni.
3.	Aras Memperoleh Maklumat	Pada tahap ini, tindakan mental berupaya meresap dan mengingat kembali sesuatu kenyataan dan memperoleh pengalaman baharu. Kesalahan dapat dielakkan dengan maklumat yang lengkap.
4.	Aras Pemikiran Reflektif	Aras pemikiran reflektif bermaksud penyelesaian masalah. Pada tahap ini, pemikiran mengimbas kembali maklumat dan membantu menyelesaikan masalah tersebut.
5.	Aras Pemikiran Kreatif	Pada tahap ini, pemikiran memberikan pertimbangan terhadap aktiviti menyusun dan mengeluarkan pengalaman supaya idea baru timbul.

2.6 Kata Tanya Dan Frasa Tanya

Kata tanya ialah kata yang menerangkan sesuatu perkara yang ingin diketahui. Kata tanya juga menjadi kata atau perkataan yang digunakan untuk membentuk frasa tanya. Kata tanya harus mengandungi partikel 'kah' apabila di awal setiap ayat tanya. Penggunaan kata tanya hadir di pendahuluan ayat, pertengahan ayat, atau di akhir setiap frasa yang terbina. Namun begitu, partikel 'kah' tidak digunakan dalam kata tanya yang terletak di akhir ayat. Jadual 2.2 berikut adalah jenis kata tanya dan fungsinya. Sementara itu, frasa tanya adalah proses membina soalan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua perkataan. Tetapi jika melihat keseluruhannya ia terbina hanya dengan sepatah perkataan sahaja, maka ada kemungkinan menjadi dua atau lebih perkataan.

2.7 Peringkat Perkembangan Frasa

Peringkat perkembangan frasa ialah keupayaan seseorang yang berpotensi itu untuk berkembang dan diperluaskan. Meskipun ada ketikanya, peringkat perkembangan sesuatu frasa boleh terbina daripada satu perkataan. Namun ianya dapat diperkembang menjadi unit yang mengandungi lebih daripada dua perkataan. Bagi pendapat Asraf (2007), perkembangan kumpulan kata yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa ialah terdiri daripada sepatah kata atau terbina daripada dua perkara penting iaitu subjek dan predikat atau objek dalam sesuatu ayat yang dibina. Selain itu, Abdullah Hassan (2008) berpendapat bahawa perkembangan kumpulan kata yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa boleh dikategorikan sebagai satu unsur yang menjadi sebahagian daripada sesuatu ayat lengkap. Ia terhasil daripada satu atau lebih perkataan yang telah digabungkan dan menepati rumus yang telah ditetapkan dalam tatabahasa sekaligus akan memberi makna. Dahulu, Pendeta Zaba berpendapat bahawa rangkai kata ialah sesuatu yang mesti dibina daripada dua perkataan atau lebih.

Jadual 2.2 Jenis kata tanya dan fungsi

Apa	Untuk menanyakan sesuatu perkara dan sebagainya
Siapa	Untuk manusia
Mana	Untuk kedudukan atau tempat
Bila	Untuk waktu, masa, zaman
Berapa	Untuk menanyakan harga atau bilangan / jumlah
Mengapa	Untuk menanyakan punca
Kenapa	Untuk menanyakan sebab
Bagaimana	Untuk langkah, keadaan, punca dan bagaimana usaha

2.8 Kepentingan Frasa Tugas Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Bagi tujuan kajian ini, frasa tugas merujuk kepada kata tanya atau frasa yang menyerahkan murid untuk melakukan sesuatu proses pemikiran. Frasa tugas ini terkandung dalam soalan guru yang menjadi elemen penting untuk membentuk soalan. Proses pemikiran mengikut aras kognitif tertentu dihasilkan melalui penggunaan frasa tugas ini. Didapati juga kajian-kajian yang berkaitan dengan penggunaan soalan-soalan daripada sudut frasa penyoalan. Sullivan dan Clarke (1991) menjelaskan bahawa jenis soalan yang memerlukan murid berfikir secara mendalam, berpotensi menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Soalan-soalan yang melibatkan proses kognitif yang tinggi akan memaparkan jawapan-jawapan murid yang berkualiti. Melalui kepelbagaian kaedah yang diaplikasikan, soalan-soalan mempunyai keupayaan dan pertalian terhadap kesan pencapaian murid dalam menggerakkan fikiran dan membantu meningkatkan prestasi dalam pembelajaran. Keupayaan soalan-soalan bergantung pada jenis frasa tanya yang diaplikasikan semasa aktiviti penyoalan. Sullivan dan Clarke (1991) berpendapat bahawa kumpulan ayat yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa jenis penyoalan ‘apa’, ‘bila’ dan ‘di mana’ akan memberi keberkesanan yang tidak efektif dalam sesi pembelajaran murid. Faktor berlaku perkara ini adalah

disebabkan oleh jenis soalan tersebut terbatas dengan kebolehan murid mengingat kembali pembelajaran yang lepas melebihi penguasaan isi pengajaran terkini.

Menke dan Pressley (1994), pula berpendapat bahawa frasa-frasa penyoalan dapat menggalakkan manipulasi pengetahuan sedia ada dan seterusnya meningkatkan kebolehan mereka untuk mengingat ilmu yang dipelajari. Penggunaan frasa-frasa penyoalan memberi kesan daripada kejadian isu dan seterusnya membantu murid untuk menghasilkan jawapan-jawapan yang betul dan tepat. Frasa soalan dapat membantu murid berfikir serta memahami isu secara terperinci mengikut pelbagai aras pemikiran. Frasa soalan dan aras pemikiran berkait rapat dengan aktiviti penyoalan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru. Berdasarkan artikel yang bertajuk “*Analisa Soalan Kefahaman Dalam Buku Kerja Bahasa Melayu Peringkat Menengah Atas*” oleh Noor Rohana Mansor (1997), penggunaan frasa soalan murid mencetus pergerakan operasi kognitif pada tahap yang lebih mencabar, malah tindakan operasi pemikiran akan berfungsi pada aras kemahiran berfikir tinggi. Tindakan ini seterusnya membawa kepada pembentukan skema dalam minda murid dengan lebih jelas dan dapat dirangsang kembali maklumat pada bila-bila masa. Kesannya, murid dapat menggunakan kembali maklumat dengan lebih berkeyakinan dan menuju ke arah penghasilan jawapan yang lebih mantap.

2.9 Penggunaan Frasa Tanya Dalam Penyoalan

Pengetahuan dan pemahaman sesuatu soalan mengikut tahap perkembangan kognitif memainkan peranan penting kerana hasil kajian membuktikan terdapat perkaitan kesan daripada penggunaan ayat tanya dalam menjana pemikiran murid. Menurut kajian Cole & William (1973), Smith (1978) dan Dillon (1981), soalan-soalan yang terkandung dalam teks tertentu hanya memerlukan murid mengingat fakta yang dipelajari sahaja,

tetapi guru boleh menggalakkan soalan yang berbentuk aras tinggi supaya mencungkil idea atau maklum balas untuk soalan penilaian dan penghayatan.

Penampilan dan penggunaan kedua-dua aras kognitif soalan yang berbeza ini akan memberi kesan kepada pemikiran murid. Brown dan Edmondson (1989) menjelaskan penggunaan soalan pada aras tinggi, iaitu soalan bercorak pemikiran kritis akan membentuk murid ke arah berfikir kritikal dalam membuat keputusan, memberi pandangan dan penilaian. Dengan itu, penggunaan frasa soalan yang sesuai mengikut aras kognitif soalan dapat membantu murid memberi jawapan yang bernas selari dengan aras kognitif soalan. Mengikut Noor Rohana Mansor (2007), dapatan kajian menunjukkan frasa penyoalan yang meliputi pelbagai aras kognitif soalan dapat memberi pendedahan ke arah merangsang dan meningkatkan tahap pemikiran murid kepada keupayaan berfikir yang lebih mantap serta meningkatkan kualiti input melalui penggunaan soalan dan teknik penyoalan dalam mengimplementasikan kurikulum ke tahap yang lebih tinggi. Jadi, guru wajar menilai kembali penggunaan frasa soalan yang sesuai dalam konteks membangkitkan pemikiran murid melalui strategi penggunaan soalan yang berkesan ke arah membantu murid berfikir pada tahap yang lebih mencabar.

2.10 Kerangka Teoritis

Secara keseluruhannya, menerusi kajian ini teori Taksonomi Bloom diambilkira untuk mengenalpasti kekerapan penggunaan kategori penyoalan dan jenis frasa tanya yang menggalakkan pelbagai aras pemikiran dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu murid sekolah rendah. Menurut Bloom (1956), penyoalan menjadi wahana penting agar menjadi sebagai penggalak pengetahuan dan pemahaman asas murid. Dalam perkara ini, pendidikan dibahagikan kepada beberapa dimensi dan setiap dimensi itu dibahagikan

lagi ke dalam pembahagian yang lebih terperinci berasaskan hierarkinya. Dimensi itu terbahagi kepada beberapa aras pemikiran iaitu soalan pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Bloom (1956) menyatakan bahawa aras Taksonomi soalan, dibahagikan kepada soalan Aras Rendah (Low Order Question), dan soalan Aras Tinggi (High Order Question).

2.11 Kesimpulan

Aras penyoalan dan aras pemikiran serta beberapa teori penyoalan yang diperkenalkan oleh ahli akademik merupakan faktor penting dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah. Seterusnya, penyelidik memilih model Taksonomi Bloom disusun oleh Benjamin S. Bloom pada tahun 1956 bagi tujuan menganalisis data penyelidikan ini. Selain itu, melalui kajian perpustakaan didapati soalan aras kognitif Taksonomi Bloom adalah lebih berkait rapat dengan panduan analisis aras kognitif dan kategori soalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini akan membantu pihak guru untuk mengenalpasti kategori penyoalan dan frasa tanya dalam pengajaran Bahasa Melayu dan menyoal soalan yang berkualiti agar murid memahami kehendak soalan selaras dengan aras pemikiran.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Untuk memperolehi hasil kajian yang baik dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, metodologi yang tepat perlu dirangka bagi memudahkan pengkaji mencari penyelesaian persoalan kajian seterusnya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dalam bab ini menerangkan metodologi yang akan digunakan untuk melancarkan serta menyempurnakan kajian ini. Perkara yang diberi penekanan adalah reka bentuk kajian, alat kajian, populasi kajian, prosedur kajian, kaedah merekodkan maklumat dan analisis data.

Setelah mengenalpasti masalah serta menjalankan tinjauan terhadap kajian perpustakaan, tumpuan seterusnya dalam bab ini adalah perkara yang berhubung dengan perancangan dan pengolahan kajian dengan memberi perhatian terhadap sampel yang dipilih, instrumen yang digunakan, tatacara yang akan digunakan dalam proses pengumpulan dan analisis data. Keseluruhannya, pelaksanaan kajian akan dapat menerangkan sejauh manakah aras penyoalan dan aras pemikiran dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah berdasarkan model Taksonomi Bloom yang diadaptasi daripada Noor Rohana Mansor (2007) yang dikenali sebagai Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan.

Kajian ini dilakukan di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur untuk mengenalpasti aras penyoalan terhadap tiga orang guru sebagai sampel kajian, semasa mereka melakukan proses pengajaran di bilik darjah. Oleh itu, teknik pemerhatian dan temubual

akan digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Data-data yang dikumpul itu akan dianalisis untuk menjawab persoalan kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan rangka kerja bagaimana sesuatu kajian akan dijalankan. Reka bentuk kajian ini ialah satu tinjauan yang berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif membantu pengkaji mendapatkan kefahaman yang mendalam (Creswell, 2012) tentang bidang yang dikaji. Menurut Chua (2012), reka bentuk kajian kualitatif berbeza dengan reka bentuk penyelidikan kuantitatif kerana data kajiannya adalah dalam bentuk verbal. Terdapat enam reka bentuk kajian kualitatif, iaitu reka bentuk teori beralas, etnografik, kajian naratif, kajian fenomenologikal, kajian sejarah dan kajian kes. Manakala Creswell (2012), menjelaskan reka bentuk kajian merupakan rangka kerja bagaimana sesuatu kajian akan dijalankan, melibatkan satu prosedur khusus dalam proses kajian iaitu pengumpulan data, analisis data dan penulisan laporan. Reka bentuk kajian ini merupakan satu tinjauan yang berbentuk deskriptif bagi mengenalpasti tahap kognitif soalan dan penyoalan yang digunakan oleh guru Tahun 4, 5 dan 6 di sebuah Sekolah Kebangsaan (SK). Tinjauan berbentuk deskriptif dipilih kerana ia bertujuan untuk mengenalpasti, menghuraikan kekerapan, menilai tahap dan ciri-ciri kognitif soalan serta mengkaji kata atau frasa tanya yang menggalakkan pelbagai aras pemikiran dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

3.2 Pemilihan Responden Dan Tempat Kajian

Pengkaji mengenalpasti responden dan tempat kajian melalui sampel bertujuan. Persampelan bertujuan adalah sesuai dengan kajian kualitatif kerana responden dipilih berdasarkan tempat dan orang yang terbaik untuk pengkaji memahami isu utama fenomena kajian (Creswell, 2012). Pengukuran pemilihan sampel dan tempat kajian

ialah sampel dan tempat kajian tersebut mestilah kaya dengan maklumat (*information rich*) (Creswell, 2012; Patton, 1990). Maka itu, pengkaji mengenalpasti sebuah Sekolah Kebangsaan yang terletak di Zon Pudu, Kuala Lumpur. Sejumlah 82 orang guru menjadi sumber penyebar ilmu kepada murid-murid Tahap Satu hingga Tahap Dua. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama dalam kalangan murid dan guru. Selain itu, sekolah ini juga dipilih sebagai sekolah rintis untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina. Kelebihan yang sebegini menjadi satu sumber tarikan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian di sekolah itu. Tambahan pula, sokongan penuh daripada Guru Besar dan sampel kajian menjadi faktor utama melicinkan lagi proses pemilihan sekolah dan kajian penyelidikan.

3.3 Sampel Kajian

Seramai tiga orang guru yang mengajar Bahasa Melayu Tahun 4, 5, dan 6 telah dipilih sebagai sampel kajian. Ketiga-tiga orang guru Bahasa Melayu ini dipilih berdasarkan pengalaman mengajar mereka yang melebihi 10 tahun dan kemahiran mereka dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu. Justeru, guru dari Tahun 4, 5 dan 6 ini dipilih berdasarkan kemampuan untuk menggunakan teknik yang boleh mempertingkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1 Latar Belakang Guru (Sampel)

Guru	Pengalaman Mengajar	Pengkhususan	Anugerah
Guru A	10 tahun	Sarjana Muda Pendidikan	Anugerah cemerlang 2008
Guru B	15 tahun	Sarjana Muda Pendidikan	Anugerah cemerlang 2009
Guru C	14 tahun	Sarjana Muda Pendidikan	Anugerah cemerlang 2010

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berdasarkan bentuk data yang akan diperolehi melalui pemerhatian dan temubual.

3.4.1 Panduan Analisis Aras Kognitif Soalan Dan Kategori Soalan

Panduan ini digunakan bagi mengenalpasti sejauh manakah guru mengaplikasikan dalam pelbagai kategori soalan semasa pengajaran dan pembelajaran berdasarkan model aras kognitif soalan Taksonomi Bloom. Panduan ini digunakan ketika menjalankan pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu dari Tahun 4, 5 dan 6. Audio dan nota lapangan diambilkira berdasarkan Panduan Analisis Aras Kognitif Soalan dan Kategori Soalan seperti yang dilampirkan (Lampiran 1) untuk mengenalpasti penggunaan kategori penyoalan dan frasa tanya dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Panduan Analisis Aras Kognitif Soalan merupakan satu instrumen yang digunakan untuk menentukan aras kognitif soalan dalam sesi pengajaran guru. Panduan ini dibina berasaskan input teori daripada domain kognitif Taksonomi Bloom (1956) dengan pengubahsuaian dan peningkatan input selaras dengan kandungan kurikulum pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah (Noor Rohana Mansor, 2007). Pada dasarnya, panduan ini mengandungi tiga pembahagian iaitu aras soalan, kategori soalan tugas dan frasa tanya. Panduan ini digunakan untuk menganalisis aras kognitif soalan yang dikemukakan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah. Semua interaksi guru dan murid dicatatkan dalam Borang Analisis Interaksi Guru dan Murid (Lampiran 2). Melalui transkripsi interaksi ini pengkaji dapat menganalisis aras kognitif soalan guru dan kategorinya.

3.4.2 Temubual

Temubual telah diadakan dengan sampel (guru) untuk mendapatkan data lanjut serta justifikasi penggunaan aras kognitif tertentu semasa pengajaran. Sesi temubual berstruktur dijalankan secara bersemuka dengan ketiga-tiga sampel guru untuk memperolehi maklum balas tentang kaedah penyoalan yang digunakan dalam pengajaran. Sesi temubual ini dijalankan berdasarkan senarai soalan Temubual Berstruktur (Lampiran 3) dan jawapan serta pandangan guru dicatatkan secara ringkas. Walaubagaimanapun, jawapan temubual dianalisis secara kualitatif. Penyelidik memastikan temubual dilakukan dengan baik, soalan-soalan dibina mesti berupaya mengumpul maklumat yang diperlukan. Selain itu, soalan-soalan temubual juga selaras dengan objektif kajian. Borang catatan temubual adalah digunakan untuk mencatatkan hasil temubual. Proses ini memudahkan analisis maklumat yang diperolehi.

3.5 Ujian Rintis

Ujian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan soalan-soalan yang telah digunakan dapat mengumpul data yang diperlukan. Ujian rintis telah dijalankan terhadap seorang guru yang dipilih secara rawak dari Tahun 5 yang berlainan kelas. Ujian ini diadakan di lokasi yang sama untuk menentukan kebolehpercayaan dalam sesi pengajaran dan menguji item soalan temubual. Sebelum itu, keizinan untuk memerhatikan sesi pengajaran dan kebenaran untuk mengadakan temubual dengan guru telah diperolehi. Selepas mendapat kebenaran, maka ujian rintis dijalankan. Melalui ujian rintis ini, dapat diteliti sejauh manakah sesi pengajaran dan soalan temubual menghasilkan keputusan yang relevan untuk mencapai objektif soalan kajian sebenar. Soalan temubual telah dinyatakan dalam Lampiran 4 dan sesi pengajaran ujian rintis disertakan dalam Lampiran 5 dan diikuti maklum balas ujian rintis Sampel (A) yang telah ditranskripsikan dalam Lampiran 6. Data yang diperolehi dari ujian rintis telah

dianalisis mengikut objektif kajian. Selepas ujian rintis ini, soalan temubual dan senarai semakan pemerhatian dapat dikemaskini untuk kajian sebenar ke atas tiga orang guru Bahasa Melayu.

Beberapa perubahan berlaku setelah melakukan proses ujian rintis, antaranya daripada 13 soalan temubual telah dikurangkan menjadi 10 soalan mengikut objektif kajian. Oleh sebab kehendak beberapa soalan didapati hampir sama, maka disingkirkan atau disatukan supaya menjadi lebih mantap dan tidak berlaku situasi berulang. Malahan, proses ujian rintis juga menjadi elemen penting dalam proses pemerhatian dan pembentukan soalan temubual yang kukuh. Lebih lagi, soalan-soalan temubual yang diubahsuai berdasarkan maklum balas daripada sampel ujian rintis membantu untuk mencungkil maklumat sebenar daripada sampel kajian dan mendapat gambaran sebenar untuk meneliti soalan mengikut objektif kajian. Setelah selesai sesi temubual ini, maka proses menganalisis aras penyoalan dan aras pemikiran dilakukan.

3.5.1 Penilaian Pakar

Soalan temubual juga diubahsuai setelah membuat proses penilaian pakar sebagai pengesahan penggunaan. Soalan temubual ini telah dimantapkan setelah diteliti secara mendalam berhubung dengan aspek soalan dan penyoalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Bagi melaksanakan prosedur ini, jasa baik dua orang pakar bahasa digunakan untuk memurnikan soalan temubual (instrumen rintis). Tugas mereka adalah secara khusus, menilai instrumen yang dibina dan memberi komen serta cadangan secara menyeluruh dari segi aspek kebahasaan dan ketepatan penggunaannya dalam konteks soalan dan penyoalan. Ketelitian mereka dalam menilai atau menyemak soalan temubual dan panduan Analisis Aras Kognitif Soalan yang dihasilkan kod analisis aras kognitif soalan Taksonomi Bloom (1956) telah memberi kepercayaan,

kekuatan serta memantapkan instrumen kajian dalam segala aspek kandungan secara keseluruhannya.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Beberapa langkah telah diambil untuk memastikan data-data kajian dikumpulkan secara cermat dan mengikut tatatertib kajian. Pemilihan sampel kajian bagi mengenalpasti penggunaan kategori penyoalan dan kata tanya atau frasa tanya dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu melibatkan satu prosedur iaitu: Sebelum kajian ini dilaksanakan, pengkaji akan mendapatkan kebenaran dan sokongan bertulis daripada pihak tertentu seperti berikut:

1. Surat kebenaran daripada Guru Besar sekolah kajian.
2. Surat kebenaran daripada guru Bahasa Melayu.
3. Surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

Selain itu, pengkaji juga memohon keizinan daripada Pejabat Pelajaran Daerah dan Guru Besar sekolah berkenaan secara lisan, bagi menjalankan kajian melalui teknik temubual, penelitian dokumen dan pemerhatian. Beberapa langkah telah diambil untuk memastikan data-data kajian dikumpulkan secara cermat dan mengikut tatatertib kajian. Pemilihan sampel kajian bagi mengenalpasti penggunaan kategori penyoalan dan kata tanya atau frasa tanya dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu melibatkan prosedur berikut:

i. Sesi Pengajaran Yang Akan Diperhatikan

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di bandar Cheras setelah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah Guru Besar (Lampiran 12). Selepas itu, kebenaran juga telah diperolehi daripada guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (Lampiran 13).

Data dikumpulkan hanya dalam sesi pengajaran Bahasa Melayu Tahap dua. Sebanyak sembilan kelas dipilih untuk proses kajian. Antaranya adalah tiga kelas dari Tahun 4, tiga kelas dari Tahun 5 dan tiga kelas dari Tahun 6. Ketiga-tiga guru juga akan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza mengikut kelas yang diajar.

ii. Petikan Pemahaman

Guru menggunakan petikan pemahaman berbentuk petikan 1 hingga petikan 9 sebagai tajuk dalam sesi pengajaran dan pembelajaran ketika menjalankan sesi soal jawab bersama dengan murid seperti Jadual 3.2 berikut.

Jadual 3.2 Pelajaran Guru

Guru A	Petikan 1	4 Bestari
	Petikan 2	5 Bijak
	Petikan 3	6 Cerdik
Guru B	Petikan 4	4 Bijak
	Petikan 5	5 Pintar
	Petikan 6	6 Bestari
Guru C	Petikan 7	4 Cerdik
	Petikan 8	5 Pintar
	Petikan 9	6 Bijak

3.6.1 Prosedur Pengumpulan Data Pemerhatian

Menurut Chua (2012), kaedah pengumpulan data bagi penyelidikan kualitatif ialah melalui teknik temubual, pemerhatian dan analisis dokumen (dalam bentuk teks, imej, audio dan video). Teknik diterangkan seperti berikut:

i. Temubual

Pengkaji menemubual Guru A, B, C di tempat kajian secara bersemuka dengan menggunakan protokol temubual sebagai panduan. Soalan terbuka membolehkan pengkaji mendapatkan data yang lebih lanjut berkenaan aras penyoalan. Mengikut kajian Creswell (2012), respon soalan terbuka membenarkan informan mencipta pilihan untuk menjawab soalan yang diajukannya. Ini bermakna jawapan Guru A, B, C tidak terhad kepada pilihan yang diberikan oleh pengkaji dan temubualan akan dijalankan selama 45 minit hingga 1 jam. Temubual ini akan diulang sehingga pengkaji mendapat data yang tepu (saturation). Pengkaji menggunakan soalan semi-struktur dalam temubual. Soalan-soalan tersebut disemak oleh penyelia terlebih dahulu dan diuji dengan rakan sepengajian bagi memastikan kesahannya. Maklumat temubual akan dicatat dan dirakam untuk ditranskripkan sepenuhnya.

ii. Pemerhatian

Pemerhatian ialah proses mengumpul maklumat secara terbuka dan secara langsung dengan kaedah memerhati Guru A, B, C dan tempat kajian. Kaedah ini membolehkan pengkaji merekod maklumat kejadian di tempat kajian, untuk mempelajari kelakuan sebenar, dan untuk mempelajari individu yang mempunyai kesukaran dalam memberikan idea (Creswell, 2012). Penyelidikan ini mengambil tempoh dua bulan sahaja. Oleh itu, pengkaji melaksanakan pemerhatian tidak turut serta di persekitaran

sekolah. Maklumat daripada pemerhatian ini akan ditriangulasikan dengan maklumat yang diperolehi daripada temubual dan analisis dokumen.

iii. Analisis Dokumen

Maklumat daripada analisis dokumen menyokong maklumat yang diperolehi daripada temubual dan pemerhatian. Dokumen terdiri daripada rekod peribadi dan am tentang Guru A, B, C dan tempat kajian yang boleh diperolehi di tempat kajian seperti minit mesyuarat, jurnal dan surat-menyurat (Creswell, 2012). Informan diminta menulis refleksi selepas pengajaran dan pembelajaran.

Pada tahap ini, guru Bahasa Melayu telah dimaklumkan tarikh pemerhatian seminggu sebelum pemerhatian dijalankan agar guru dapat membuat persediaan. Walaubagaimanapun, penyelidik berpesan kepada guru tersebut bahawa proses pengajaran perlu dijalankan seperti normal. Penjelasan tentang tujuan pemerhatian yang dibuat semasa sesi pengajaran diterangkan kepada guru dari aspek tujuan dan skop kajian. Oleh itu, pengkaji bertindak sebagai pemerhati secara pasif dalam proses pemerhatian. Justeru, pengkaji duduk di satu sudut belakang dalam bilik darjah untuk memerhatikan proses pengajaran dan pembelajaran. Data yang diperolehi dari pemerhatian akan digunakan untuk penyelidikan, dan tema pengajaran tidak ditentukan kepada guru untuk sesi pengajaran. Maka, guru telah menjalankan pengajaran mengikut rancangan pengajaran yang telah disediakan.

Di samping itu, seluruh sesi pengajaran dan pembelajaran dirakam dengan keizinan guru terbabit. Rakaman pertuturan antara guru dan murid dalam sesi soal jawab ditranskripsikan untuk memudahkan tugas menganalisis. Transkripsi yang dilakukan adalah secara ortografik dan tidak memberi perhatian kepada ciri-ciri halus seperti

fonetik dan intonasi. Ia hanya diberi tumpuan pada struktur pertuturan terutamanya dalam penyoalan antara interaksi guru dengan murid.

3.6.2 Proses Pengumpulan Data Temubual

Seramai tiga orang guru Bahasa Melayu telah ditemubual berdasarkan 10 soalan yang berkaitan dengan interaksi antara guru dan murid di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, temubual berstruktur merupakan temubual yang dijalankan secara formal dan telah dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut senarai semak beberapa soalan yang perlu dijawab oleh guru seperti yang telah dinyatakan dalam Lampiran 3. Temubual diadakan berdasarkan senarai soalan yang telah dibina dan soalan-soalan yang ditanya kepada setiap guru adalah serupa.

3.7 Prosedur Analisis Data

Data pemerhatian dianalisis dengan menggunakan Panduan Analisis Aras Kognitif Soalan (Lampiran 1). Panduan Analisis Aras Kognitif Soalan merupakan satu panduan untuk menentukan aras kognitif soalan guru dalam sesi pengajarannya. Panduan ini disusun daripada teori Noor Rohana Mansor (2007) yang berasaskan input teori domain kognitif Taksonomi Bloom (1956). Ia direkabentuk dengan pengubahsuaian dan peningkatan input selaras dengan kandungan kurikulum pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah. Pada dasarnya, Senarai Semak Analisis Aras Kognitif Soalan dibahagikan kepada dua komponen utama, iaitu:

- i. Kategori Soalan
- ii. Kata Tanya atau Frasa Tugas

Seterusnya, data temubual akan ditranskripsikan dalam borang catatan respons Temubual Guru (Lampiran 7). Sebenarnya, bagi menjawab objektif soalan pertama iaitu mengenalpasti penggunaan kategori penyoalan, data akan dianalisis dengan menggunakan Borang Pencapaian Soalan Guru (Lampiran 8) yang telah diubahsuai mengikut Supramani (2006). Kekerapan dan peratus aras kognitif soalan dirumuskan dalam Borang Analisis Aras Kognitif Soalan (Lampiran 9). Manakala untuk menjawab objektif soalan kedua, borang mengkaji kata tanya atau frasa tanya yang diubahsuai daripada Panduan Analisis Aras Kognitif dan Kategori Soalan digunakan untuk menganalisis kekerapan frasa tanya (Lampiran 10).

3.8 Kesimpulan

Di dalam Bab 3 ini, metodologi yang digunakan bagi tujuan memungut dan menganalisis data dibentangkan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah pemerhatian dan temubual. Kaedah ini didapati paling sesuai kerana ia membincangkan tahap penggunaan soalan dalam kalangan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Bab seterusnya akan membentangkan analisis data yang dikumpul.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.0 Pendahuluan

Bab ini membentangkan analisis kualitatif yang telah dijalankan ke atas data yang dikumpul mengikut metodologi yang telah ditetapkan dalam Bab 3. Sebagaimana yang telah dimaklumkan di dalam Bab 1, kajian ini bertujuan untuk (i) mengenalpasti kekerapan penggunaan kategori soalan dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu dan (ii) mengkaji jenis frasa tanya atau frasa tugas yang menggalakkan pelbagai aras pemikiran dalam kalangan murid.

Jadual 4.1 menerangkan ketiga-tiga orang guru yang telah dijadikan sumber responden dalam soal selidik ini. Ketiga-tiga orang guru telah mengemukakan sejumlah 155 soalan. Daripada jumlah soalan tersebut sebanyak 21.9% (34 soalan) adalah soalan pengetahuan, 63.9% (99 soalan) soalan kefahaman, 5.8% (9 soalan) soalan analisis, 7.1% (11 soalan) soalan berbentuk sintesis dan 1.3% (2 soalan) merupakan soalan aras kognitif penilaian. Pada keseluruhannya, perangkaan ini membuktikan bahawa guru-guru menggunakan lebih banyak soalan-soalan pengetahuan dan kefahaman daripada soalan-soalan aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Soalan-soalan pengetahuan dan kefahaman ini merupakan soalan yang lazim dipilih oleh guru, iaitu 85.8% (133 soalan). Peratus yang selebihnya iaitu 14.2% (22 soalan) merupakan soalan pilihan bagi guru untuk dijadikan sampel kajian. Soalan pilihan adalah terdiri daripada soalan yang berbentuk aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

**Jadual 4.1: Jumlah Soalan Yang Telah Dikemukakan Oleh Guru Berdasarkan
Aras Kognitif**

Aras Kognitif	Guru A	Guru B	Guru C	Bilangan Soalan (%)
Pengetahuan	16	13	5	34 (21.9%)
Kefahaman	34	32	33	99 (63.9%)
Aplikasi	-	-	-	-
Analisis	1	5	3	9 (5.8%)
Sintesis	3	4	4	11 (7.1%)
Penilaian	1	-	1	2 (1.3%)
Jumlah	55	54	46	155 (100%)

4.1 Soalan Aras Pengetahuan

Mengikut pandangan Noor Rohana Mansor (2009), definisi aras pengetahuan ialah kebolehan mengimbas semula perkara yang lepas seperti perkara khusus dan sejagat, kaedah dan proses, mencorak dan menstruktur. Aktiviti pemerhatian dan penghafalan sentiasa diberi penekanan. Jenis soalan pada aras pengetahuan memerlukan murid menggunakan daya perkembangan kognitif, iaitu kebolehan mengingat kembali isi pembelajaran yang lepas yang mengandungi fakta, prinsip dan prosedur. Ini adalah hasil daripada apa yang telah dipelajari murid bersama guru. Murid juga menerangkan maksud sesuatu perkara untuk mengenalpasti sesuatu fakta atau perkara memberi jawapan ‘ya’ atau ‘tidak’.

Berdasarkan data, ternyata bahawa ketiga-tiga Guru A, B, C yang dikaji menggunakan banyak soalan aras pengetahuan. Jadual 4.2 menunjukkan bahawa Guru A, B, C telah mengemukakan banyak soalan pada tahap ini. Mereka telah mengemukakan sebanyak 34 soalan aras pengetahuan yang mencapai 21.9% daripada semua soalan yang dikemukakan. Jadual 4.2 memberi penerangan tentang bilangan dan peratusan soalan

aras pengetahuan yang dikemukakan oleh guru-guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.2 Bilangan Soalan Aras Pengetahuan

Guru	Jumlah Keseluruhan Soalan	Soalan Aras Pengetahuan
A	55	16 (10.3%)
B	54	13 (8.4%)
C	46	5 (3.2%)
Jumlah	155	34 (21.9%)

Pada permulaan sesi pengajaran, majoriti Guru A, B, C menggunakan soalan aras pengetahuan. Proses ini dapat diteliti semasa melakukan pemerhatian sesi pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contohnya, Guru A dalam pelajaran 1 menggunakan petikan kefahaman yang bertajuk '*Utamakan Kebersihan Diri*'. Beliau memulakan sesi pengajaran dengan mengemukakan soalan untuk menjana pemikiran dalam kalangan murid tentang kebersihan diri dan persekitaran. Beliau sebenarnya mengajukan soalan untuk mencungkil pengetahuan dan pengalaman murid supaya mereka dapat menghubungkaitkan dengan kebersihan diri dan persekitaraan. Beliau telah bertanya soalan seperti Ekstrak 1 berikut:

Ekstrak 1: Guru A / Pelajaran 1

Guru: Bagus. Mari kita lihat petikan yang guru edarkan. *Siapakah* agaknya yang menyampaikan ucapan tersebut?

Murid: Pegawai kesihatan.

Guru: *Siapakah* di antara tetamu yang berada dalam majlis itu?

Murid: Guru Besar, Guru Penolong Kanan, ibu bapa dan guru-guru sekolah.

Kedua-dua soalan yang dikemukakan adalah soalan aras pengetahuan kerana jawapan untuk soalan-soalan tersebut secara eksplisit, iaitu tersurat dengan jelas. Maka murid-murid hanya mengecam dan mengingat semula fakta-fakta khusus yang telah dibaca oleh mereka daripada teks. Kebanyakan soalan-soalan aras pengetahuan ini hanya memerlukan murid mengecam dan mengingat semula daripada petikan. Sebagai contohnya, para tetamu yang hadir dalam majlis tersebut tersurat dengan jelas dalam petikan dan murid-murid hanya mengecam dan mengingat dari petikan tersebut. Selepas meneruskan sesi pengajaran selama 10 minit, guru terus menggunakan beberapa soalan aras ini seperti Ekstrak 2 berikut:

Ekstrak 2: Guru A / Pelajaran 1
--

Guru: *Pada pendapat anda, adakah kantin kita bersih?*

Murid: Ya, cikgu.

Guru: *Namakan beberapa serangga perosak yang biasa boleh menyebabkan makanan tercemar?*

Murid: Lalat.

Guru: *Apakah tanda-tanda makanan tercemar?*

Murid: Makanan berbau.

Guru: *Apa akan berlaku sekiranya kita termakan makanan yang tercemar?*

Murid: Sakit perut dan muntah.

Guru: *Apakah penyakit yang mudah membiak melalui serangga perosak?*

Murid: Cirit-birit, muntah-muntah dan boleh membawa kematian.

Dapatan yang terdapat di dalam Jadual 4.2 menunjukkan Guru A dan Guru B yang telah mengemukakan pelbagai soalan untuk menguji aras pengetahuan murid. Masing-masing

telah mencatat peratusan sebanyak 10.3% dan 8.4% daripada soalan aras pengetahuan yang dikemukakan dalam sesi pengajaran. Terdapat perbezaan dari segi peratusan soalan yang menguji aras pengetahuan dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Guru A, B, C. Analisis menunjukkan bahawa Guru C telah mengemukakan soalan berbentuk aras pengetahuan sebanyak 5 soalan bersamaan 3.2% sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berjalan di dalam bilik darjah.

Sebagai contohnya, Guru A memulakan sesi pengajaran dengan meminta murid mengimbas kembali pembelajaran yang lepas. Guru mengenalpasti tahap pengetahuan yang sedia ada pada murid dan keadaan ini akan memudahkan guru merancang dan melaksanakan sesi pengajaran bersama murid. Kaedah pengajaran yang menguji aras pengetahuan di mana guru hanya meminta murid untuk mengimbas kembali perkara yang telah mereka pelajari sebelum ini. Teknik penyoalan yang diaplikasikan oleh Guru A, B, C adalah terdiri daripada soalan yang menguji pengetahuan murid tentang tahap penguasaan kosa kata. Guru B dalam petikan ‘Guru Tua’ mengemukakan soalan berbentuk pengetahuan untuk menjana idea para murid seperti Ekstrak 3 berikut:

Ekstrak 3: Guru A / Pelajaran 4
--

Guru: *Apakah* peranan seorang guru?

Murid: Guru berperanan mendidik murid.

Murid: Guru mengajar di sekolah.

Begitu juga soalan Ekstrak 3 berikut diajukan oleh Guru B dalam pelajaran 5 adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan sedia ada murid berkaitan tajuk yang sedang dibincangkan:

Ekstrak 4: Guru B / Pelajaran 5

Guru: *Pernahkan* anda mendengar tentang kuih bulan?

Murid: Ya, cikgu.

Guru C pula telah mengemukakan beberapa soalan aras ini semasa sesi bacaan dan kefahaman bertajuk “Silat” seperti di muka surat sebelah dari pelajaran 9:

Ekstrak 5: Guru C / Pelajaran 9

Guru: *Nyatakan* tiga contoh seni pertahanan diri yang anda tahu.

Murid: Silat, Karate, Taekwondo.

Guru: *Benarkah* silat merupakan seni pertahanan?

Murid: Ya.

Guru: *Adakah* seni pertahanan diri silat masih diamalkan lagi?

Murid: Ya, cikgu.

Contoh Ekstrak 5 di atas menunjukkan guru hanya meminta murid untuk mengimbas kembali tentang seni mempertahankan diri yang bernama silat. Proses pemikiran mengingat semula maklumat telah terlibat dalam aktiviti ini. Perbualan Guru C dan murid di Ekstrak 6 bawah telah mengambil bahagian pada pertengahan pengajaran dan pembelajaran.

Ekstrak 6: Guru C / Pelajaran 9

Guru: *Adakah* silat atau sukan ini akan mendisiplinkan murid?

Murid: Ya.

Guru: *Adakah* usia atau pengalaman merupakan halangan untuk mempelajari seni pertahanan diri?

Murid: Tidak.

Kata atau frasa tanya seperti "Adakah?", "Benarkah?", "Yakah?", dan "Betulkah? .. ya tak?" yang biasanya disoal oleh guru hanya memperoleh jawapan aras pengetahuan daripada murid. Guru-guru hanya menerima jawapan tertutup seperti 'ya', 'betul' dan 'tidak' sahaja daripada murid. Jawapan ini adalah jawapan yang spontan daripada murid di mana murid tidak menggunakan kemahiran berfikir yang dalam untuk memenuhi hasrat dan jangkaan guru. Murid tidak diberi masa dan peluang yang cukup untuk memilih jawapan. Mereka hanya berpeluang untuk menjawab soalan yang dikemukakan dengan jawapan yang ringkas dan guru tidak dapat menyelesaikan persoalan yang dikemukakan.

Secara umumnya, soalan-soalan aras pengetahuan memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri dan menguji tahap kebolehan pemikiran murid untuk mengingat semula pembelajaran yang lepas. Dalam situasi sebegini, mereka akan dapat mengemukakan jawapan mengikut tahap dan pengetahuan sedia ada masing-masing. Ini sekaligus dapat menguji tahap keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu berjalan.

4.2 Soalan Aras Kefahaman

Mengikut pengkategorian aras kognitif soalan yang pertama yang dikemukakan oleh Benjamin S. Bloom iaitu pada tahun 1956, merupakan soalan yang berbentuk menguji dan menghendaki seseorang murid itu menjelaskan, membuat perbandingan, membezakan, merumus, menerang, mentafsir dan menghubungkan maklumat yang diterima.

Ciri soalan yang dikemukakan untuk menguji aras kefahaman haruslah terdiri daripada aspek membuat interpretasi mudah, menunjukkan bukti kefahaman dan dapat menggunakan ayat serta maklumat terkini. Soalan yang pelbagai merupakan aras tinggi berbanding aras pengetahuan. Terdapat tiga ciri penting dalam peringkat ini, iaitu menterjemahkan isi kepada huraian yang lebih mudah dan ringkas, mencari makna sesuatu maklumat dan memperincikannya maklumat yang diperoleh berdasarkan maklumat utama. Berdasarkan penjelasan ini, sampel kajian telah mengemukakan sebanyak 99 soalan. Jadual 4.3 menerangkan bahawa guru menggunakan soalan yang menguji aras kefahaman murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam aspek pembacaan dan pemahaman. Ketiga-tiga sampel kajian telah mengemukakan sejumlah 99 soalan aras kefahaman. Jumlah soalan ini adalah 63.9% daripada jumlah keseluruhan soalan.

Data ini telah menunjukkan perbezaan apabila dibuat perbandingan di antara soalan-soalan yang dikemukakan kepada murid berkaitan dengan aras pengetahuan. Ketiga-tiganya telah mengemukakan soalan aras kefahaman yang hampir sama banyak iaitu purata 33 soalan. Pada akhir proses pemerhatian, apa yang dapat disimpulkan adalah komunikasi dua hala merupakan faktor yang penting untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berkesan dalam mencapai objektif seperti yang dirancang.

Jadual 4.3 Bilangan Soalan Aras Kefahaman

Guru	Jumlah Keseluruhan Soalan	Soalan Aras Kefahaman & Peratus
A	55	32 (20.7%)
B	54	34 (21.9%)
C	46	33 (21.3%)
Jumlah	155	99 (63.9%)

Berikut adalah pertuturan antara Guru A dengan muridnya yang memberi gambaran tentang ciri-ciri soalan aras kefahaman.

Ekstrak 7: Guru A / Pelajaran 1
--

Guru: *Apakah* tajuk ceramah yang ingin disampaikan oleh penceramah?

Murid: Kebersihan diri dan persekitaran.

Guru: Penceramah itu menyebut tentang ‘tahap kesihatan seseorang melambangkan kesihatan.’ *Apa* yang kamu faham tentang pernyataan itu?

Murid: Seorang sihat tanpa berpenyakit.

Guru: *Senaraikan* beberapa tempat yang kamu rasa perlu menjaga kebersihan?

Murid: Rumah, sekolah.

Guru: *Mengapa* lapik pasu bunga tidak sepatutnya digenangi air?

Murid: Perbuatan itu menyebabkan pembiakan nyamuk aedes.

Guru: *Apa cara* sesuai untuk melupuskan sampah dari rumah?

Murid: Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan.

Berdasarkan petikan 7 di atas, soalan aras kefahaman sering dikemukakan oleh Guru A untuk menggalakkan murid mengingat semula tentang ciri-ciri kebersihan yang menjamin kesihatan. Begitu juga dengan Guru B dalam petikan bertajuk ‘Kuih Bulan’.

Ekstrak 8: Guru B / Pelajaran 5
--

Guru: *Berapa* jenis kuih bulan terdapat di negara kita?

Murid: 40 jenis kuih bulan.

Guru: *Berapa* orang dalam kelas merasai keenakan kuih bulan?

Murid: Kami semua, cikgu.

Guru: *Siapa* boleh nyatakan bahan yang diperlukan untuk membuat kuih bulan?

Murid: Telur, tembikai, kacang merah, kacang tanah, perisa teratai dan pandan.

Guru: Siapa boleh jelaskan cara-cara membuat kuih bulan?

Murid: Perlu menggunakan banyak adunan makanan, macam nak buat kek, cikgu.

Dalam pelajaran 5 dari petikan 8 di atas, jelas membuktikan soalan aras kefahaman guru mendapat respon yang agak memuaskan di mana para murid mudah menjawab dan responnya amat menepati dengan kehendak soalan. Namun demikian, jawapan yang diberikan agak pendek dan tidak lengkap. Situasi ini berlaku akibat tabiat murid yang gemar membina ayat sendiri dan menggunakan bahasa pasar dalam perbualan harian. Selain itu, terdapat juga murid yang terlalu terikat dengan maklumat yang terdapat di dalam teks bacaan yang diuji. Di sini, kemahiran menjawab amat penting dan perlu dikuasai oleh murid.

4.3 Soalan Aras Aplikasi

Soalan aras aplikasi memerlukan hala tuju pemikiran murid dirangsang untuk menilai dan membuat pertimbangan ke atas kandungan teks berasaskan ukuran kriteria dalaman dan kriteria luaran. Dalam aspek aplikasi, faktor yang perlu diberi penekanan ialah pengkaedahan, prinsip, hukum dan teori. Murid dapat memahami dan mengaplikasi aras pengetahuan dan pemahaman mereka. Proses mengaplikasi juga mengambil kira penggunaan kaedah, prinsip, hukum dan teori. Guru seharusnya memahami setiap aras pengetahuan dan pemahaman murid itu. Para murid perlu memahami, memilih dan menggunakan maklumat dalam situasi baru. Berdasarkan penjelasan di atas, ketiga-tiga sampel kajian tidak mengemukakan sebarang soalan pada aras ini. Ini berlaku kerana guru kurang mengaplikasi kemahiran berfikir kepada murid semasa mengemukakan soalan. Melalui kajian yang telah dijalankan, Balakrishnan dan Muhundhan (2002),

telah berpendapat bahawa aplikasi kemahiran berfikir murid tidak selari dan menepati dengan apa yang akan dipersoalkan oleh guru sepanjang proses pengajaran dilaksanakan.

4.4 Soalan Aras Analisis

Taksonomi Bloom (1956) menegaskan aspek analisis di mana membahagikan soalan aras analisis sebagai pengucapan di mana perlunya kemahiran berfikir murid dalam mengemukakan pendapat dan idea serta pandangan secara kritis. Melalui aspek ini, murid dikehendaki mencari tujuan mengemukakan sebab merumus dan menguasai kebolehan untuk mencerita serta menyusun perkara-perkara yang dipelajari mengikut keutamaan. Murid harus membuat kesimpulan, perbandingan atau secara keseluruhan dengan bukti atau maklumat yang kukuh. Kosa kata yang biasanya digunakan adalah “membezakan”, “membandingkan”, “mengasingkan”, “mentafsirkan”, “membahagikan”, dan “mengklasifikasikan”. Selain itu, “menghuraikan”, “menaakul”, dan “mencerakinkan” juga adalah kosa kata yang lazim digunakan. Jadual 4.4 telah menerangkan tentang ketiga-tiga sampel kajian telah mengemukakan soalan aras analisis melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran khususnya daripada teknik bacaan dan penguasaan kaedah pemahaman. Setelah kajian murid diuji, didapati murid hanya mampu menjawab sebanyak 9 soalan daripada 155 soalan dan peratusnya ialah 5.8%.

Antara ketiga-tiga orang guru, Guru A telah mengemukakan soalan yang paling kurang iaitu 1 soalan sahaja yang mana bersamaan dengan 0.7%. Guru B dan C pula telah mengemukakan 5 dan 3 soalan masing-masing, iaitu 3.2% dan 1.9% melalui pemerhatian daripada guru A, beliau telah menerangkan dengan jelas cara soalan yang berbentuk aras analisis. Biasanya, para guru akan mengajukan pelbagai soalan dalam interaksinya semasa induksi serta mengakhiri perbualannya kepada soalan yang beraras pengetahuan, kefahaman dan analisis.

Setelah soalan analisis diberikan, guru haruslah memastikan ianya diikuti dengan beberapa susulan soalan (probing) yang memerlukan murid berfikir. Jika ia tidak diberi kesinambungan, biasanya guru berkemungkinan tidak akan mendapat tindak balas positif daripada murid. Melalui data yang dapat dikumpulkan, soalan susulan (probing) yang digunakan oleh para guru menjadi faktor utama untuk menghasilkan lebih banyak respon perkembangan pemikiran pada aras analisis.

Jadual 4.4 Bilangan Soalan Aras Analisis

Guru	Jumlah Keseluruhan Soalan	Soalan Aras Analisis & Peratus
A	55	1 (0.7%)
B	54	5 (3.2%)
C	46	3 (1.9%)
Jumlah	155	9 (5.8%)

Jadual 4.4 menerangkan jumlah peratusan yang membuktikan bahawa corak perkembangan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menjurus kepada pemikiran aras analisis.

Ekstrak 9: Guru B / Pelajaran 5

Guru: *Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi kejayaan-kejayaan seperti ini? Maksud cikgu, apakah sifat-sifat atau nilai peribadi yang perlu ada agar mendapat kejayaan?*

Murid: Ketekunan, kerajinan.

Guru: *Anda sebagai seorang murid, apakah yang perlu anda lakukan untuk mencapai kejayaan seperti ini pada masa hadapan?*

Murid: Perlu berusaha bersungguh-sungguh.

Melalui penelitian perbualan guru dan murid seperti Ekstrak 9 dari pelajaran 5 ini, didapati guru telah mengemukakan soalan aras kefahaman pada awal pengajaran dan seterusnya memperkembangkannya dengan soalan susulan (probing). Ini adalah bagi mencambahkan lagi respons baru daripada murid. Setelah itu guru meneruskan dengan soalan aras analisis, “Apakah yang perlu anda lakukan untuk mencapai kejayaan seperti ini pada masa hadapan?” Soalan ini memerlukan murid untuk berfikir lebih mendalam dan kritis. Guru B juga telah mengemukakan soalan aras ini dalam petikan bertajuk ‘Alia’. Berikut adalah Ekstrak 10 dari pelajaran 6 sedutan dari petikan yang menjelaskan aras soalan analisis.

Ekstrak 10: Guru B / Pelajaran 6

Guru: *Nyatakan dua nilai murni yang diamalkan oleh Alia ?*

Murid: Bertanggungjawab dan sayang akan ibu bapa.

Guru: *Apakah perasaan Alia apabila dapat pulang ke kampungnya?*

Murid: Tenang dan jauh dari gangguan kesibukan.

Guru telah menyoal untuk mengetahui nilai murni "Alia" ketika berinteraksi dengan ayah. Nilai murni yang ditunjukkan oleh "Alia" tidak terdapat dalam petikan tersebut. Di dalam petikan, tidak menerangkan jawapan yang terlalu menjurus kepada soalan yang diberi. Di sini, murid perlu memberikan jawapan berdasarkan bahan yang diberikan sepenuhnya. Muridnya berpeluang untuk mengemukakan pendapat sendiri dan tidak terdapat pada petikan. Di sini, murid telah menggunakan kemahiran berfikir semasa menjawab persoalan yang dikemukakan.

Guru hendaklah mengemukakan soal yang mempunyai kaitan dengan isi petikan. Namun begitu, guru juga hendaklah mencabar tahap pemikiran murid dengan mengemukakan soal pemikiran Aras Tinggi (Higher Order Thinking). Di sini, kebijaksanaan dan kemahiran guru itu akan diuji dengan mengemukakan soal mengikut situasi yang sesuai sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

4.5 Soal Aras Sintesis

Soal aras kognitif sintesis dalam Taksonomi Bloom (1956) menggalakkan murid untuk berfikir lebih kreatif dalam menilai dan mempertimbangkan sesuatu perkara. Murid hendaklah mengemukakan pendapat dan pandangan yang utama, membuat andaian, menghasilkan penulisan, menghasilkan hipotesis dan sintesis serta menjana pendapat serta pandangan. Oleh yang demikian, murid perlu membuat penilaian tentang pandangan dan pendapat untuk mencari penyelesaian yang dikemukakan oleh pihak lain bagi sesuatu masalah, mengutarakan pendapat dan membuat pilihan serta menentukan keputusan (Kindsvatter et al., 1992).

Jadual 4.5 menunjukkan ketiga-tiga sampel menggunakan soal aras sintesis pada peratus yang hampir sama. Guru A mengemukakan 3 soal yang menjadikan 1.9% manakala Guru B sebanyak 4 soal yang mencatat 2.6% dan Guru C juga mengajukan 4 soal menjadikan 2.6%. Ketiga-tiga orang guru ini telah berpeluang mengajukan sebanyak 11 jenis soal mengikut aras sintesis. Peratusan daripada jumlah soal keseluruhan (155 soal) ialah 7.1%. Ini membuktikan bahawa tidak banyak soal aras sintesis dapat diajukan oleh para guru tersebut.

Jadual 4.5 Bilangan Soalan Aras Sintesis

Guru	Jumlah Keseluruhan Soalan	Soalan Aras Sintesis & Peratus
A	55	3 (1.9%)
B	54	4 (2.6%)
C	46	4 (2.6%)
Jumlah	155	11 (7.1%)

Kemahiran interaksi dua hala menunjukkan tahap perkembangan sesi pengajaran Verbal. Kaedah berkomunikasi yang dilaksanakan ini telah menunjukkan tahap perkembangan dalam sesi pengajaran untuk melahirkan murid yang memiliki tahap pemikiran aras sintesis yang dikemukakan oleh Guru A dalam sesi pengajaran bacaan dan kefahaman bertema ‘Kesusasteraan’.

Ekstrak 11: Guru A / Pelajaran 3

Guru: *Perlukah* perkhemahan seperti ini dianjurkan di setiap sekolah?

Murid: Perlu.

Walaupun dalam pelajaran 3 dari Ekstrak 11 murid menjawab soalan tersebut dengan satu perkataan, namun murid perlu mengemukakan pendapat yang kritis dan membuat pertimbangan dan penilaian tentang idea sebelum menjawab soalan tersebut. Ini menyebabkan soalan ini dikategorikan sebagai soalan aras sintesis. Begitu juga dalam perbualan seterusnya ‘Infoman A’ mengemukakan soalan aras ini seperti berikut:

Ekstrak 12: Guru B / Pelajaran 6

Guru: *Berikan pendapat kamu* tentang perkhemahan ini? Maksud cikgu, apakah kebaikan dan keburukan mungkin kita dapat dari penyertaan perkhemahan sebegini?

Murid: Dapat meluangkan masa dengan berfaedah dan rasa gembira.

Ekstrak 12 dari pelajaran 6 di atas menunjukkan murid perlu membuat perancangan untuk mengenalpasti penilaian yang dikehendaki oleh guru bagi menyelesaikan sesuatu masalah, berkongsi pendapat dan membuat pilihan yang tepat dan bernas mengikut situasi. Petikan perbualan dari Guru B dalam sesi pengajaran bacaan dan kefahaman bertajuk ‘Seorang Guru Tua’ mengukuhkan idea bahawa soalan aras sintesis memerlukan daya kreativiti yang amat baik untuk menjawab. Misalnya, Ekstrak 13 dan 14 dikenalpasti sebagai bukti soalan aras sintesis.

Ekstrak 13: Guru B / Pelajaran 4

Guru: *Pada pendapat kamu, apakah tujuan sajak ini ditulis?*

Murid: Untuk memberitahu murid-murid tentang pengorbanan guru.

Guru: *Nyatakan hadiah yang paling berharga buat seorang guru?*

Murid: Murid berjaya mendapat keputusan baik.

Walaupun tiada jawapan secara langsung dari petikan, namun murid masih boleh menjawab soalan guru dengan jawapan yang tepat. Tetapi cuma beberapa orang murid sahaja mencuba memandangkan soalan aras ini agak sukar untuk difahami.

Melalui komunikasi dua hala yang dilaksanakan, soalan yang dikemukakan kepada murid dapat memberi peluang untuk berkongsi pandangan mengenai amalan dan nilai murni yang perlu diterapkan dalam diri.

Ekstrak 14: Guru B / Pelajaran 6

Guru: *Apakah pendapat kamu tentang ayah Alia apabila membaca petikan ini?*

Murid: Rajin berusaha.

Guru: *Ramalkan kejadian yang akan terjadi apabila turun ke laut pada waktu malam?*

Murid: Dipukul ombak tinggi dan laut bergelora.

Pada lazimnya, guru akan mengemukakan soalan yang berasaskan sintesis di pertengahan hingga berakhirnya sesi pengajaran. Ini berlaku adalah kerana dalam tempoh ini guru dan murid akan lebih selesa bersoal jawab mengenai tajuk dan isi pengajaran.

4.6 Soalan Aras Penilaian

Soalan aras penilaian memerlukan para murid mempertimbangkan dan membuat penilaian tentang rasional dan keberkesanan sesuatu perkara itu serta mentafsir dan mengkritik pendapat dalam satu masa yang sama. Penggunaan kata kerja yang digunakan dalam soalan terdiri daripada beberapa perkara, iaitu membuat pilihan, mengemukakan alasan dan kritikan serta membuktikan sesuatu perkara itu.

Jadual 4.6: Bilangan soalan aras Penilaian

Guru	Jumlah Keseluruhan Soalan	Aras Penilaian & Peratus
A	55	1 (0.65%)
B	54	0 (0%)
C	46	1 (0.65%)
Jumlah	155	2 (1.3%)

Jadual 4.6 menggambarkan soalan aras penilaian yang dikemukakan oleh ketiga-tiga sampel kajian. Jadual 4.6 menunjukkan hanya 2 daripada 3 kajian kes mengemukakan soalan yang berkaitan dengan aras penilaian. Guru A dan C telah mengemukakan 1 soalan masing-masing manakala Guru B tidak mengemukakan apa-apa soalan pada aras ini. Guru-guru kurang mengemukakan soalan aras ini memandangkan soalan aras ini memerlukan para murid mentafsir maklumat sebelum memberi jawapan. Ekstrak 15 dapat dibuktikan dari perbualan berikut oleh Guru A dalam sesi bacaan dan kefahaman bertajuk ‘Kuasai Sastera Warisan’.

Ekstrak 15: Guru B / Pelajaran 6

Guru: *Wajarkah* kegiatan-kegiatan seperti ini dianjurkan kepada murid sekolah? *Mengapa?*

Murid: Ya. Kerana ada murid yang berminat dalam bidang ini. Mereka boleh mengasah bakat mereka dalam bidang ini.

Murid: Dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia.

Murid perlu menjana idea tentang kepentingan mengadakan pameran, pertandingan dan ceramah berkaitan kesusasteraan sebelum menjawab soalan tersebut. Ekstrak 16 berikut dari Guru C dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bacaan dan kefahaman bertajuk ‘Silat’ juga mengukuhkan lagi bahawa soalan aras penilaian memerlukan pemikiran murid yang agak mendalam sebelum menjawab.

Guru: *Sejauh manakah* anda bersetuju tentang pembelajaran seni silat akan membentuk belia yang sihat?

Murid: Kerana silat mengajar belia supaya sentiasa berwaspada dan berfikiran sihat serta menanam disiplin yang ketat dalam diri mereka.

Setelah dianalisis komunikasi dua hala ini, jelas menunjukkan bahawa guru tersebut telah menggunakan kreativiti dan kemahiran menghubungkan isu semasa dan isi utama petikan. Faktor lain juga memberikan kesan iaitu pengawalan sedia ada murid, dan menjana pemikiran murid dengan soalan aras tinggi. Guru juga tidak menghadkan tahap pemikiran murid dan tidak terlalu bergantung pada petikan. Hasilnya murid dapat menghasilkan idea-idea baru yang kreatif dan kritis.

4.7 Analisis Penggunaan Kata Tanya Atau Frasa Tugas Mengikut Aras Kognitif Taksonomi Bloom Dalam Penyoalan

Berdasarkan kajian, para guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu keseluruhannya hanya mengajukan soalan di aras rendah kepada murid semasa sesi pengajaran berada di aras rendah. Ini merujuk kepada aras pengetahuan dan kefahaman sahaja. Catatan 'Alia' berpandukan aras pengetahuan ialah 21.9% dan soalan aras kefahaman 63.9%. Ini juga dapat disokong dengan pandangan beberapa tokoh yang mengkaji tahap pemikiran seseorang, iaitu Seman (2005), Waheedawati (2003), Muhundhan (2002) dan Roselan (2001). Apa yang dapat dilihat setelah kajian kes, guru Bahasa Melayu hanya mengemukakan soalan aras rendah dalam proses pengajaran mereka. Oleh yang demikian, maklumat dan dapatan hasil pengajaran diperoleh namun guru tidak menggunakan peluang yang diberikan dengan sebaik-baiknya.

Dalam kajian ini, data akan dianalisis berdasarkan soalan guru mengikut aras soalan Taksonomi Bloom (1956). Setiap soalan dikaji mengikut pemerhatian soalan yang berteraskan aras soalan tertentu.

4.8 Aras Pengetahuan

Soalan pada aras pengetahuan memerlukan murid mengimbas kembali maklumat yang diajar oleh guru. Oleh itu, aras ini bertujuan menguji tahap kemampuan murid dalam mengimbas semula isi dan pengetahuan atau fakta yang telah diajar kepada mereka. Soalan-soalan pada aras ini memerlukan murid berfikir secara kritis dan mengaitkan isi pembelajaran. Aras ini berkaitan dengan istilah bentuk, perkataan yang melibatkan proses pemeringkatan, pengaliran, teknikal, penjenisan atau prosedur tertentu dalam menyelesaikan masalah. Aras yang terakhir ialah perkara yang bersifat sejagat seperti, “siapa”, “apa”, “di mana”, “bila” dan “mengapa”.

Ciri khusus yang perlu ada pada soalan aras pengetahuan ialah memerlukan murid berfikir, mengimbas semula isi pembelajaran yang lepas dan berkaitan istilah, fakta, prinsip dan prosedur. Semua ini diperolehi oleh murid melalui guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Penyoalan dengan kata tanya yang betul dapat melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran teratur di bilik darjah. Penyoalan secara lisan juga merupakan cara guru menilai murid. Berdasarkan jawapan-jawapan yang diberi oleh murid, guru dapat menentukan sama ada pelajaran yang telah disampaikan oleh guru difahami oleh murid dengan baik, atau sebaliknya. Jadual 4.7 menunjukkan kata tanya atau frasa tugas yang dijadikan sebagai panduan oleh guru-guru dalam pembinaan soalan berdasarkan Taksonomi Bloom (1956).

Jadual 4.7 Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Pengetahuan

Isikan	Pilihkan	Mengulangi	Kumpulkan
Tandakan	Mengirakan	Mencari	Sebutkan
Senaraikan	Mengingat semula	Sesuaikan	Berikan
Melabelkan	Namakan	Perihalkan	Bacakan
Manakah	Menamakan	Catatkan	Apakah
Mengikut	Arahan	Labelkan	
Nyatakan	Padankan	Kenalpasti	

Kebanyakan soalan aras rendah yang dikemukakan oleh guru-guru pula mempunyai frasa tanya (action verbs) atau frasa tugas tertentu mengikut aras kognitif Taksonomi Bloom. Ketiga-tiga guru secara tidak langsung memberi keutamaan kepada frasa tugas tersebut untuk mendapat maklum balas daripada murid. Dalam kajian ini, didapati guru-guru menggunakan kata tanya atau frasa tugas sebagai wahana penting untuk mengemukakan soalan kepada murid. Hasil analisis pelajaran 1 oleh Guru A seperti berikut telah membuktikan bahawa soalan yang ditujukan adalah soalan pada aras kognitif pengetahuan.

Ekstrak 17: Guru A / Pelajaran 1

Guru: Bagus. Mari kita lihat petikan yang guru edarkan. *Siapakah* agaknya yang menyampaikan ucapan tersebut?

Murid: Pegawai kesihatan.

Dalam Ekstrak 17 iaitu di pelajaran 1, Guru A seperti di atas hanya mengajukan soalan aras rendah berbanding dengan soalan aras tinggi. Misalnya, “*Siapakah agaknya yang menyampaikan ucapan tersebut?*” jelas bahawa kehendak soalan tersebut mudah difahami oleh murid. Lantasnya, jawapan yang diberikan oleh murid juga agak tepat kepada soalan, di mana jawapannya sudah tertera dalam petikan yang dibaca. Begitu

juga beberapa soalan lain dari pelajaran 1 yang memudahkan murid menjawab, seperti berikut:

Ekstrak 18: Guru A / Pelajaran 1

Guru : *Siapakah di antara tetamu yang berada dalam majlis itu?*

Murid : Guru Besar, Guru Penolong Kanan, ibu bapa dan guru-guru sekolah.

Guru : *Pada pendapat anda, adakah kantin kita bersih?*

Murid : Ya, cikgu.

Guru : *Namakan beberapa serangga perosak yang biasa boleh menyebabkan makanan tercemar?*

Murid: Lalat, cikgu.

Murid: Mungkin serangga atau semut, cikgu.

Guru: *Apakah tanda-tanda makanan tercemar?*

Murid: Makanan yang sudah berbau busuk.

Guru: *Apa akan berlaku sekiranya kita makan makanan yang tercemar?*

Murid: Sakit perut dan bermuntah.

Guru: *Apakah penyakit yang mudah membiak melalui serangga perosak?*

Murid: Cirit-birit, muntah-muntah dan boleh membawa kematian.

Soalan-soalan aras pengetahuan seperti Ekstrak 18 dari pelajaran 1 di atas telah dikemukakan oleh guru untuk membantu murid menjawab soalan tersebut dengan mudah. Hal ini demikian kerana perkara-perkara yang telah dibaca dari petikan mudah diingat tanpa sebarang kesulitan. Jelas ternyata bahawa soalan-soalan berdasarkan frasa tugas dan kata tanya yang diaplikasikan dalam soalan boleh dikategorikan sebagai soalan aras pengetahuan mengikut aras kognitif Taksonomi Bloom (1956). Kekerapan guru menggunakan soalan aras pengetahuan memberi kesan yang positif kepada guru

dan murid. Antaranya adalah pengajaran dan pembelajaran guru akan lebih kreatif dan murid akan diuji pelbagai soalan yang mencungkil daya pemikiran mereka.

Ekstrak 19: Guru A / Pelajaran 2

Guru: *Apa itu bahan bakar?*

Murid: Bahan mudah terbakar seperti petrol.

Dalam Ekstrak 19 dari pelajaran 2, adakalanya guru memperoleh hasil pemikiran yang agak memuaskan melalui soalan aras pengetahuan. Ini berlaku kerana murid tidak usaha untuk berfikir dan menggunakan kebolehan tersendiri. Perkara ini berlaku kerana murid terlalu bergantung pada petikan dan tiada usaha untuk menghasilkan sesuatu maklumat yang kreatif. Situasi sedemikian dapat kita teliti dalam interaksi pelajaran 3 oleh Guru A seperti berikut:

Ekstrak 20: Guru A / Pelajaran 3

Guru : *Apakah tajuk perkhemahan yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Malaysia?*

Murid : Menghayati Taman Negara melalui khemah puisi.

Berdasarkan aras Taksonomi Bloom (1956), soalan seperti pelajaran 3 (Ekstrak 20) di atas meminta murid mengingat semula maklumat dari petikan secara langsung. Jelasnya, respon murid merupakan respon beraras pengetahuan kerana jawapan “*Menghayati Taman Negara melalui khemah puisi*” tertera dalam petikan. Jika diselidik, perkara yang berikut dapat dirumuskan bahawa murid dapat memberi pandangan dan pendapat kerana mereka menguasai kemahiran mengingat yang baik. Selain itu, soalan yang ke-3 dan ke-4 juga merupakan soalan aras rendah kerana dalam soalan ini, guru hanya bertanya nama sekolah dengan frasa tugas ‘*tuliskan*’ dan ‘*berapakah*’ berdasarkan petikan pemahaman. Jika diteliti lagi pada soalan ke-4

daripada pelajaran 3, kata tanya yang digunakan untuk memulakan soalan dengan “berapa”, “namakan”, dan “nyatakan” dikategorikan di bawah soalan aras rendah. Selain itu, bukan semua frasa tugas yang disenaraikan dalam Jadual frasa tugas 4.7 (Pengetahuan) digunakan oleh guru dalam soalan yang diajukan secara langsung. Ada ‘*kata tanya*’ yang dikenalpasti sebagai soalan aras rendah atau mampu menyatakan sesuatu maklumat daripada petikan berdasarkan beberapa kata tanya atau kosa kata. Sebagai contohnya, “tuliskan” dan “namakan” seperti yang terdapat dalam perbualan berikut:

Ekstrak 21: Guru A / Pelajaran 3

Guru: *Tuliskan nama sekolah yang menganjurkan perkhemahan ini?*

Murid: Sekolah Kebangsaan Seri Sadoong.

Guru: *Berapa ramaikah murid yang mengambil bahagian dalam perkhemahan ini?*

Murid: Seramai 80 orang, cikgu.

Guru: *Siapakah nama guru penasihat bagi perkhemahan ini?*

Murid: Pn.Sofia Azarul.

Guru: *Berapa harikah perkhemahan ini akan diadakan?*

Murid: 3 hari.

Guru: *Namakan tempat-tempat yang dilawati oleh murid dalam perkhemahan?*

Murid: Gua Telinga, Lata Berkoh, Lubuk Sinpon, dan Bumbun.

Guru: *Berapakah orang guru turut serta dalam lawatan itu bertindak sebagai pemerhati?*

Murid: 5 orang guru.

Guru: *Nyatakan perasaan salah seorang peserta perkhemahan itu?*

Murid: Dia berasa bertuah dan dapat memperolehi pengetahuan yang banyak.

Ekstrak 22: Guru B / Pelajaran 4

Guru: *Apakah peranan seorang guru?*

Murid: Guru berperanan mendidik murid.

Murid: Guru mengajar di sekolah.

Setelah diteliti pelajaran 3, Guru B juga telah mengemukakan beberapa soalan beraras pengetahuan dalam pelajaran 4. Guru B mendapat maklum balas daripada murid tentang soalan yang dikemukakan seperti berikut: '*Apakah peranan seorang guru?*', maka Murid 1 memberi jawapan '*guru berperanan mendidik murid*' manakala Murid 2 pula menjawab '*guru berperanan mengajar murid di sekolah*'. Jawapan murid tersebut dikategorikan sebagai soalan aras rendah kerana dapat menjawab berdasarkan pengalaman atau maklumat asas murid. Lebih lagi, soalan-soalan sedemikian menggalakkan murid untuk memberitahu jawapan menurut fakta asas yang diketahuinya. Jika soalan yang dikemukakan adalah soalan yang terdiri daripada aras tinggi, maka hasilnya akan mendapat jawapan aras tinggi yang boleh menjana pemikiran murid.

Pelajaran 5 juga menunjukkan penggunaan frasa tugas atau kata tanya yang agak banyak jika dibandingkan dengan pelajaran 4. Guru B menggunakan pelbagai kata tanya atau kosa kata untuk mendapat jawapan daripada murid. Guru B mengajukan 10 soalan aras pengetahuan yang bertumpu pada tajuk yang diajar. Dalam pelajaran ini, Guru B menggunakan pelbagai kata tanya atau frasa tugas untuk mendapat jawapan sebenar daripada murid. Pada umumnya, penggunaan kata tanya atau frasa tugas yang

dikemukakan seperti di bawah telah memainkan peranan untuk membantu murid mengingat semula fakta berdasarkan perkara-perkara yang telah diajar oleh guru.

Ekstrak 23: Guru B / Pelajaran 5

Guru : *Apakah keunikan di negara kita?*

Murid: Mempunyai pelbagai kaum.

Guru : *Pernahkah anda mendengar tentang kuih bulan?*

Murid: Ya, cikgu.

Guru : *Siapa di sini pernah lihat orang membuat kuih bulan?*

Murid: Saya tengok emak saya membuat kuih bulan.

Guru : *Baik, pada tahun berapakah seorang berjaya membuat kuih bulan yang terbesar di dunia?*

Murid: 2000.

Guru: *Siapakah nama beliau?*

Murid: Encik Kong Ah Wah.

Guru: *Di manakah kejayaan beliau telah dicatat?*

Murid: Kuih bulan ini telah direkodkan dalam 'Guinness Book of Record'.

Guru : *Berapa lamakah telah diambil oleh Encik Kong untuk menyiapkan kuih bulan?*

Murid: Satu minggu.

Guru: *Pada tahun berapakah beliau mencapai rekod ini?*

Murid: Tahun 2000.

Guru: *Nyatakan berat kuih bulan tersebut?*

Murid: Kuih ini berdiameter 3 meter dan seberat 1.3 tan.

Guru: *Nyatakan nama-nama yang mengharumkan nama Malaysia di mata dunia yang terdapat dalam petikan.*

Murid: Datuk Malik Mydin, dan Datin Paduka Syarifah Mazlina.

Satu lagi situasi perbualan di mana guru mengemukakan soalan-soalan aras rendah berdasarkan '**kata tanya**' dapat dilihat dalam pelajaran berikut. Guru mengemukakan soalan untuk mendapatkan maksud simpulan bahasa. Murid pula menjawab soalan tersebut berdasarkan petikan. Begitu juga guru mengemukakan soalan satu lagi untuk mengetahui punca kebimbangan ibu Alia. Soalan-soalan tersebut mempunyai aras pengetahuan rendah yang membantu murid menjawab dengan mudah.

Ekstrak 24: Guru B / Pelajaran 6

- Guru :** *Apakah maksud simpulan bahasa 'keras hati'?*
Murid : Tidak mahu dengar nasihat.
Murid : Degil.
Guru : *Mengapa ibu Alia bimbang akan keselamatannya jika pulang lewat malam?*
Murid : Memandu pada waktu malam adalah sangat bahaya.

Dalam Ekstrak 24 dari pelajaran 6 di atas, murid akan menjawab melalui kefahaman dan mengenalpasti isi penting melalui penceritaan. Ini jelas terbukti bahawa setiap frasa tugas atau kata tanya yang tertera dalam sampel di atas telah disusun dalam jadual di atas berdasarkan aras soalan Taksonomi Bloom (1956). Hasil interaksi dua hala di antara guru dan murid dapat dilihat dalam pelajaran 9 seperti berikut:

Ekstrak 25: Guru C / Pelajaran 9

- Guru :** *Adakah dalam kalangan anda belajar seni mempertahankan diri?*
Murid : Saya tak ada, cikgu. Saya ingat Ramli belajar.
Guru : *Ramli adakah anda belajar?*
Murid : Ya, cikgu. Saya, Ramu, Ah Ling dan adik saya.
Guru : *Baik. Nyatakan tiga contoh seni pertahanan diri yang anda tahu.*

Murid : Silat, Karate, Taekwondo.

Guru : ***Benarkah*** silat merupakan seni pertahanan?

Murid : Ya.

Guru : ***Adakah*** seni pertahankan diri silat masih diamalkan lagi?

Murid : Ya, cikgu.

Guru : ***Bagaimana*** boleh membuktikan silat jenis sukan yang lain?

Murid : Pembelajaran silat membentuk sikap rohani yang tinggi.

Guru : ***Adakah*** silat atau sukan ini akan mendisiplinkan murid?

Murid : Ya.

Guru : ***Perlukah*** usia atau pengalaman merupakan halangan untuk murid-murid di seni pertahanan diri?

Murid : Tidak.

Pada umumnya, frasa tanya atau kata tanya yang digunakan oleh guru seperti “Bagaimana?”, “Perlukah”, “Benarkah?” dan “Adakah?” hanya memberikan jawapan aras rendah. Maklum balas yang diperoleh ialah “tidak” dan “ya” sahaja. Jawapan sedemikian akan menggalakkan murid menggunakan daya pemikiran dan mengemukakan jawapan dan dapatan yang kreatif kepada guru. Berdasarkan kajian ini, keinginan murid telah disekat oleh guru. Ini berlaku apabila murid sekadar menjawab “ya” dan “tidak” kepada semua soalan yang dikemukakan. Ini bermaksud soalan-soalan aras pengetahuan melibatkan murid untuk berfikir dan mengimbas kembali isi pengajaran lepas. Ini adalah kerana maklum balas yang diperolehi menunjukkan bahawa murid tidak mempunyai perubahan positif khususnya dalam penguasaan bahasa.

4.9 Aras Kefahaman

Aras kefahaman memerlukan kemampuan murid untuk mengolah dan mengkaji makna sesuatu perkara. Tujuan aras kefahaman agak berbeza dengan aras pengetahuan. Aras kefahaman ini dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu penterjemahan, mentafsir atau interpretasi dan seterusnya ekstrapolasi. Ketiga-tiga aras kefahaman ini haruslah mempunyai ciri-ciri soalan yang mengandungi interpretasi mudah dan mempunyai bukti

kefahaman dan menggunakan ayat dan maklumat untuk soalan kepada bentuk soalan yang baru.

Jadual 4.8 menunjukkan frasa tugas atau kata tanya yang dijadikan sebagai panduan oleh guru-guru dalam pembinaan soalan berdasarkan Taksonomi Bloom (1956). Ekstrak 26 dari pelajaran 1, menunjukkan bahawa Guru A telah menggunakan beberapa kata-kata tertentu untuk mendapat maklum balas daripada murid. Adakalanya, guru-guru menggunakan kata tanya atau frasa tanya yang sama dalam soalan, seperti yang dinyatakan dalam pelajaran 1 hingga 9. Walaupun soalan yang dikemukakan terdapat frasa tugas atau kata tanya yang sama seperti soalan lain, namun kehendak soalan adalah berbeza mengikut topik pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.8 Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Kefahaman.

Menukar	Jelaskan	Sediakan
Merumus	Menerangkan	Susunkan
Membaca	Ubahkan	Meneruskan
Bandingkan	Mencari	Susunkan
Pembayangan	Meramal	Cerita semula
Semula	Terangkan	Menukarkan
Beri contoh	Menunjuk cara	Mengumpul
Huraikan	Menerang semula	Menunjukkan
Menjalankan	Melukiskan	Memudahkan
Mewakili	Mencadangkan	Menulis
Bincangkan	Mengukur	Merumuskan
Kemukakan	Ramalkan,	Kategorikan
Simpulkan	Terjemahkan	Anggarkan
Hitungkan	Bezakan	

Pada umumnya, Guru A, B, C memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengemukakan beberapa soalan induksi seperti di bawah. Misalnya, soalan seperti di bawah bukan soalan kefahaman, malah ia adalah soalan induksi dari pelajaran 1. Guru A memilih tema yang berasaskan kebersihan dan persekitaran. Beliau mengemukakan beberapa soalan induksi dahulu sebelum memulakan sesi pengajaran.

Ekstrak 26: Guru A / Pelajaran 1

Guru : Murid-murid, dalam subjek Pendidikan Kesihatan kita telah belajar tentang kebersihan diri. *Jelaskan* apa yang kamu faham tentang kebersihan diri?

Murid: Kebersihan diri...

Guru : Baik. *Apa yang dimaksudkan* dengan persekitaran pula?

Murid: Persekitaran adalah tempat-tempat yang berada dekat dengan kita.

Berdasarkan tinjauan kedua (Ekstrak 26) pelajaran 1, didapati Guru A lebih banyak mengemukakan soalan yang bertumpukan kepada aras kefahaman. Hal ini menunjukkan bahawa Guru A menyoal soalan kefahaman yang lebih banyak berbanding soalan pengetahuan. Sampel soalan yang ditanya Guru A adalah seperti Ekstrak 27 berikut:

Ekstrak 27: Guru A / Pelajaran 1

Guru : *Boleh kamu berikan* beberapa contoh cara menjaga kebersihan diri yang kamu telah belajar dalam subjek Pendidikan Kesihatan?

Murid : Menggosok gigi setiap hari, atau mandi dengan bersih.

Guru : *Apakah tajuk ceramah* yang ingin disampaikan oleh penceramah?

Murid : Kebersihan diri dan persekitaran.

Guru : Penceramah itu menyebut tentang ‘tahap kesihatan seseorang melambangkan kesihatan.’ *Apa yang kamu faham tentang pernyataan itu?*

Murid : Seorang sihat akan berada tanpa berpenyakit.

Guru : *Senaraikan beberapa tempat* yang kamu rasa perlu menjaga kebersihan?

Murid : Rumah, sekolah.

Guru: ***Mengapa lapik pasu bunga tidak sepatutnya digenangi air?***

Murid : Perbuatan itu menyebabkan pembiakan nyamuk aedes.

Guru: ***Apa cara sesuai untuk melupuskan sampah dari rumah?***

Murid : Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan.

Guru: ***Bagaimana makanan boleh tercemar?***

Murid : Makanan yang dihinggap lalat dan tidak tutup.

Guru: ***Apa tindakan kamu, sekiranya kamu terlihat makanan di kantin tercemar atau basi?***

Murid: Saya akan mengadukan kepada pihak kantin dan guru.

Guru: ***Mengapa kebersihan kantin perlu diutamakan?***

Murid: Untuk memastikan makanan yang dijual di kantin mestilah bersih dan tidak tercemar.

Guru: ***Apakah maksud perkataan merangkumi dalam petikan tersebut?***

Murid: Memenuhi.

Berdasarkan Ekstrak 27 di atas, Guru A telah mengemukakan soalan kefahaman pada permulaan sesi pengajaran. Soalan ini menjadi daya penggerak kepada beberapa soalan susulan untuk mendapatkan maklum balas baru dan memberi makna kepada sesuatu perkara.

Ekstrak 28: Guru A / Pelajaran 1

Guru : ***Boleh kamu berikan beberapa contoh cara menjaga kebersihan diri yang kamu telah belajar dalam subjek Pendidikan Kesihatan ?***

Murid: Menggosok gigi setiap hari, atau mandi dengan bersih.

Guru A bertanya beberapa soalan induksi seperti Ekstrak 28 di atas untuk mengetahui cara menjaga kebersihan dalam kalangan murid. Pertanyaan soalan ini adalah untuk menguji sama ada murid memahami tentang kebersihan diri atau tidak. Setelah itu, beliau bertanya soalan kedua dan soalan seterusnya. Proses pengajaran menjadi rancak dengan soalan-soalan yang melibatkan beberapa soalan aras kefahaman yang menggunakan frasa tugas tertentu. Hal ini kerana penggunaan frasa tugas atau kata tanya dalam bentuk frasa atau sepatah kata seperti dalam soalan di atas, iaitu: “*Senaraikan*”, “*Apa cara sesuai*”, “*Bagaimana*”, “*Apa tindakan kamu*”, “*Apakah maksud perkataan*” telah menjadi faktor utama untuk mendapat maklum balas sebenar terhadap soalan yang telah dikemukakan oleh guru.

Ekstrak 29: Guru A / Pelajaran 2

Guru : *Apakah yang berlaku di kilometer 12 Jalan Musang-Kuala Krai?*

Murid : Kemalangan.

Guru : *Apakah kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu?*

Murid : Kemalangan di antara lori treler dengan kereta.

Guru : *Bilakah kemalangan jalan raya itu berlaku?*

Murid : 9 April, cikgu.

Guru : *Berapa orang yang telah meninggal dalam kemalangan tersebut?*

Murid : Enam orang, cikgu.

Guru : *Bagaimanakah keadaan kesemua penumpang dalam kereta ini?*

Murid : Semua penumpang mati di tempat kejadian.

Murid : Rentung, cikgu.

Guru : *Bagaimanakah keadaan pemandu dan kelindan lori?*

Murid : Mereka pun mati, cikgu.

- Guru :** *Siapakah pemandu treler dan kelindannya?*
- Murid : Gunasegaran dan Muthusamy.
- Guru :** *Apakah maksud perkataan kelindan?*
- Murid : Pemandu simpanan.
- Murid : Pembantu pemandu.
- Guru :** *Mengapakah berlaku tiga letupan?*
- Murid : Sebab lori itu membawa bahan bakar.
- Guru :** *Apakah tindakan pemandu treler dan kelindan treler sebaik sahaja kereta itu letup?*
- Murid : Mereka lompat keluar dari lori.
- Guru :** *Adakah mereka selamat?*
- Murid : Mereka selamat.

Kemudian, jika diteliti pelajaran 2 (Ekstrak 29) seperti di atas, Guru A masih mengemukakan beberapa soalan aras kefahaman berdasarkan petikan pemahaman (Kemalangan Jalan Raya). Dalam pelajaran ini, guru mengemukakan 11 soalan (kefahaman) yang melibatkan beberapa kata tanya seperti “apakah”, “bilakah”, “mengapakah”, “adakah” dan sebagainya. Tujuan utama bertanya soalan ini adalah untuk membantu murid memahami fakta. Jika dikaji setiap soalan yang diajukan oleh Guru A, jelas menunjukkan bahawa ada kaitan dengan isi petikan untuk menjawabnya.

Ekstrak 30: Guru A / Pelajaran 3

- Guru :** *Jelaskan apakah anda faham mengenai sastera warisan?*
- Murid : Karya-karya sastera.
- Guru :** *Nyatakan tujuan program ini dianjurkan?*

Murid : Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan minat terhadap puisi dan sajak dalam kalangan murid.

Guru : ***Bagaimana* murid-murid boleh menghasilkan karya-karya bertemakan tempat-tempat yang dilawati?**

Murid : Murid-murid boleh menulis cerpen, sajak, pantun dan syair bertemakan tempat-tempat yang dilawati.

Guru : ***Apakah* tajuk perbincangan dalam perkhemahan itu?**

Murid : Cara-cara meningkatkan kemahiran menulis karya sastera.

Jika diteliti perbualan di atas (Ekstrak 30), Guru A telah mengemukakan soalan kefahaman (aras rendah) pada permulaan pengajarannya dan mengembangkannya lagi dengan kata tanya atau frasa tugas untuk menimbulkan lagi respon baru daripada murid. Dalam pelajaran 3 ini, Guru A telah bertanya beberapa soalan yang berasaskan topik kesusasteraan. Selepas menjalankan temubual secara ringkas dengan guru, didapati topik kesusasteraan agak sukar untuk diajar kepada murid. Hal ini kerana topik ini lebih melibatkan karya klasik seperti puisi, sajak, drama dan novel yang memerlukan murid untuk berfikir secara mendalam. Oleh sebab topik ini berkaitan tentang tajuk kesusasteraan, maka guru secara tidak langsung mengemukakan beberapa soalan yang melibatkan kata tanya atau frasa tanya, seperti “Jelaskan, *apakah* anda faham mengenai sastera warisan?” dan “*Nyatakan* tujuan program ini dianjurkan?” Soalan-soalan ini dikategorikan sebagai aras soalan kefahaman. Sebenarnya, soalan aras kefahaman adalah aras yang tinggi sedikit berbanding aras pengetahuan. Ia memainkan peranan penting untuk murid memberi penjelasan atau makna sesuatu perkara atau topik yang dipelajarinya. Selain itu, jika diteliti soalan yang berbunyi “*Bagaimana* murid-murid boleh menghasilkan karya-karya bertemakan tempat-tempat yang dilawati?” dan “*Apakah* tajuk perbincangan dalam perkhemahan itu?” jelas membawa erti bahawa

murid perlu memahami petikan pemahaman sebelum menjawab soalan. Hal ini kerana, soalan aras kefahaman adalah soalan yang memerlukan murid memberi tafsiran atau makna sesuatu maklumat berdasarkan petikan. Perkara ini akan membentuk murid untuk menghuraikan atau memberi contoh dalam bahasanya sendiri. Situasi ini dapat dibuktikan dengan meneliti interaksi verbal antara Guru B dan murid-muridnya seperti Ekstrak 31:

Ekstrak 31: Guru B / Pelajaran 4

Guru : *Siapa yang masih ingat guru kelas pertama semasa tahun satu?*

Murid : Saya, cikgu.

Guru : *Namakan guru kelas pertama kamu?*

Murid : Cikgu Siti Mariam.

Guru : *Mengapa awak suka guru tersebut?*

Cikgu : Cikgu itu baik.

Guru : *Ceritakan sedikit tentang guru kamu?*

Murid : Cikgu Amin seorang yang peramah dan suka menolong murid yang miskin.

Guru : *Apakah kandungan sajak yang dibaca?*

Murid : Sajak ini tentang seorang guru.

Guru : *Terangkan maksud ketiga-tiga rangkap yang diberi?*

Murid : Rangkap pertama menerangkan tentang guru penyajak yang masih mengajar walaupun susah.

Guru : *Nyatakan sifat-sifat Guru?*

Murid : Berdedikasi, bertanggungjawab, penyayang.

Guru : *Bagaimanakah keadaan Guruku dalam sajak?*

Murid : Sudah tua.

- Guru :** *Gambarkan ciri-ciri fizikal Guru yang terdapat dalam sajak itu?*
- Murid 1: Rambut sudah putih.
- Murid 2: Memandu kereta lama.
- Guru :** *Huraikan sikap Guruku dalam sajak itu ?*
- Murid : Bersemangat tinggi untuk mendidik anak bangsa.
- Guru :** *Terangkan keistimewaan Guru tua dalam sajak yang diberi?*
- Murid : Tidak rasa bosan dalam mendidik anak muridnya.
- Guru :** *Apakah yang paling membanggakan Guru tua?*
- Murid : Walaupun sudah tua, namun tetap menabur jasa untuk mendidik.
- Guru :** *Mengapakah Guru tua masih mengajar?*
- Murid : Untuk mendidik anak muridnya.
- Guru :** *Nyatakan pendapat anda tentang rangkai kata, ‘menabur jasa-jasa’ dalam petikan?*
- Murid : Melaksanakan tugas sebagai guru yang berdedikasi.

Soalan-soalan dari pelajaran 4 (Ekstrak 31) yang bertajuk “*Seorang Guru Tua*” di atas dimulakan dengan kata tanya, seperti ‘siapa’, ‘namakan’, dan ‘bagaimanakah’ yang dinyatakan seperti dalam Jadual 4.8. Guru menggunakan beberapa soalan induksi sebelum masuk ke topik pemahaman ‘Seorang Guru Tua’. Kata tanya dan frasa tugas yang dicondongkan (*italic*) dalam pelajaran 4 menjadi rangsangan bagi murid untuk memberi respon. Setelah meneliti interaksi verbal guru dan murid dalam pelajaran 4, dapat dinyatakan bahawa guru menyoal beberapa soalan berdasarkan petikan pemahaman bertajuk ‘Seorang Guru Tua’ seperti berikut:

Ekstrak 32: Guru B / Pelajaran 4

Guru : *Siapa yang masih ingat guru kelas pertama semasa tahun satu?*

Murid : Saya, cikgu.

Guru B mengajukan soalan ini sebagai soalan induksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beliau bertanya soalan itu agar murid dapat mengimbas semula perwatakan guru mereka sewaktu mereka belajar dalam tahun satu. Setelah menerima maklum balas daripada murid, beliau menyoal soalan tentang teks petikannya. Berdasarkan soalan yang dikemukakan, guru lebih suka menyoal soalan dari segi watak dan keistimewaan ‘Guru Tua’ dari petikan pemahaman tersebut. Misalnya, soalan seperti pelajaran 4 di atas iaitu, “*Terangkan* keistimewaan Guru Tua dalam sajak yang diberi?” dan “*Apakah* yang paling membanggakan Guru Tua?” telah mencungkil daya pemikiran murid untuk mentafsir lagi maklumat yang terkandung dalam petikan pemahaman tersebut. Aras soalan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan soalan aras pengetahuan kerana soalan aras ini mewajibkan murid untuk memberi penjelasan atau maksud sesuatu perkara dalam bahasa sendiri berdasarkan maklumat yang digambarkan dalam petikan pemahaman. Namun kelemahan soalan ini adalah jika murid tidak membaca dan memahami petikan yang diedarkan, maka sudah jelas terbukti murid akan gagal menjawab soalan yang diajukan oleh guru seperti dalam pelajaran 4 di atas. Berikut adalah interaksi verbal antara Guru A, B, C dengan murid-murid dalam pelajaran 5.

Ekstrak 33: Guru B / Pelajaran 5

Guru: **Baik. *Kaum manakah* yang menyambut perayaan kuih bulan ini?**

Murid: Masyarakat Cina.

Guru: ***Berapa jenis* kuih bulan terdapat di negara kita?**

Murid: 40 jenis kuih bulan.

Guru: ***Berapa orang* dalam kelas merasai keenakan kuih bulan?**

Murid: Kami semua, cikgu.

Guru: ***Siapa* boleh nyatakan bahan yang diperlukan untuk membuat kuih bulan?**

Murid: Telur, tembikai, kacang merah, kacang tanah, perisa teratai dan pandan.

Guru: ***Siapa* boleh jelaskan cara-cara membuat kuih bulan?**

Murid: Perlu menggunakan banyak adunan makanan, macam nak buat kek, cikgu.

Guru: ***Bincangkan* kuantiti barangan yang digunakan untuk membuat kuih bulan yang besar ini?**

Murid: 2800 biji telur, 24kg biji tembikai, 500kg kacang merah, 230 kg kacang tanah, 420 kg perisa teratai dan pandan.

Soalan aras kefahaman menggalakkan murid untuk menjelaskan atau memberi makna kepada sesuatu perkara. Guru B mengemukakan beberapa soalan berdasarkan tajuk ‘Kuih Bulan Istimewa’ dalam pelajaran 5 (Ekstrak 33) di atas untuk menyatakan idea-idea utama dalam ayat sendiri. Guru memulakan sesi pengajaran dengan mengemukakan beberapa soalan pengetahuan diikuti soalan aras kefahaman, iaitu “*Kaum manakah atau berapa jenis* kuih bulan terdapat di negara kita?”. Sebenarnya,

soalan ini jelas membawa senario di mana murid dapat memberi jawapan setelah memahami petikan yang berkenaan tentang 'kuih bulan'. Soalan-soalan yang disoal adalah berdasarkan petikan umum sahaja.

Ekstrak 34: Guru B / Pelajaran 6

Guru: *Ke manakah Alia pergi pada hujung minggu?*

Murid: Pulang ke kampung.

Guru: *Mengapakah Alia pergi ke sana?*

Murid: Melawat ibu bapa.

Guru: *Mengapakah Alia hendak pulang awal ke bandar?*

Murid: Ada banyak kerja yang perlu disiapkan.

Guru: *Apakah masakan yang hendak dimasak oleh ibu Alia?*

Murid: Asam pedas ikan sembilang.

Guru: *Berapa lamakah perjalanan Alia untuk sampai ke bandar?*

Murid: Lapan jam.

Guru: *Apakah pekerjaan ayah Alia?*

Murid : Nelayan, cikgu.

Guru: *Ke manakah ayah Alia pergi pada waktu pagi itu?*

Murid : Ke laut.

Guru: *Mengapakah Alia bimbang akan keselamatan ayahnya apabila turun ke laut?*

Murid: Takut lemas dipukul ombak.

Guru: *Berapa harikah Alia pulang ke kampungnya?*

Murid: Sehari sahaja.

Guru: *Mengapakah ibu Alia menasihatnya supaya berhati-hati di jalan raya?*

Murid: Takut akan berlaku sesuatu jika memandu seorang pada waktu malam.

Guru: Mengapa ibu Alia melarang ayahnya turun ke laut?

Murid: Kerana pendapatan Alia cukup untuk menyara kedua-dua ibu bapa.

Guru: *Ringkaskan* pekerjaan lain yang dicadangkan oleh Alia supaya ayahnya tidak ke laut?

Murid: Berkebun dan menanam sayur.

Guru: Sejak *bilakah* ayah Alia bekerja sebagai seorang nelayan?

Murid: Sejak muda lagi.

Guru: *Apakah* sikap yang mesti ada pada seorang ketua pejabat?

Murid: Menjadi teladan kepada orang lain.

Guru: Berdasarkan dialog, *berapa* orangkah ahli keluarga Alia?

Murid: Tiga.

Guru: *Nyatakan* sikap ayah Alia?

Murid: Seorang yang rajin dan bertanggungjawab.

Setelah meneliti soalan-soalan dari pelajaran 6 (Ekstrak 34), didapati Guru B bertanya jumlah kuantiti soalan yang lebih tinggi berbanding dengan soalan aras pengetahuan. Hal ini kerana Guru B mengemukakan soalan aras kefahaman kepada murid untuk mencungkil daya pemikiran murid. Walaupun timbul kata tanya yang seiras dalam pelajaran lalu, tetapi masih ada frasa tanya atau frasa tugas seperti ‘*Nyatakan* sikap ayah Alia?’ menghasilkan situasi murid berfikir atau tafsiran lanjut berdasarkan maklumat yang digambarkan. Maka murid menjawab untuk soalan tersebut, iaitu *Alia adalah seorang yang rajin dan bertanggungjawab*. Dapatan kajian ini sama dengan dapatan Roselan (2001), yang mendapati guru mengemukakan soalan kerana semakin

banyak reaksi murid diperolehi, semakin jelas akan status kefahaman murid tentang kandungan pelajaran.

Ekstrak 35: Guru C / Pelajaran 7

Guru: *Kemukakan* apakah jenis bacaan yang kamu baca?

Murid: Buku cerita.

Murid: Majalah gila-gila.

Murid: Kadang-kadang contoh karangan.

Guru: *Siapakah* ‘Aku’ dalam cerita tersebut?

Murid: Seorang peserta.

Murid: Seorang murid.

Guru: *Siapakah* yang menyertai aktiviti perkelahan?

Murid: Murid sekolah.

Murid: Cikgu dan pembantu.

Guru: *Di manakah* destinasi perkelahan mereka?

Murid: Di sekolah.

Guru: *Mengapakah* ‘Aku’ telah gembira pada pagi itu?

Murid: Kerana mengikut dengan ramai kawan.

Guru: *Apakah* tujuan mereka ke sana?

Murid: Bergembira.

Murid: Berkelah.

Guru: *Bagaimanakah* perasaan ‘Aku’ setelah tiba di sana?

Murid: Sangat gembira.

Guru: *Huraikan* aktiviti mereka setelah tiba di sana?

Murid: Berkawat kaki, membersihkan tapak perkhemahan.

Guru: *Ringkaskan* tanggungjawab Cikgu Suki terhadap murid-muridnya?

Murid: Menjaga murid dengan baik.

Guru: *Terangkan* siapakah yang patut dipersalahkan jika sesuatu berlaku kepada ‘Aku’?

Murid: Aku.

Guru: *Apakah* yang telah terjadi kepada ‘Aku’?

Murid: Cedera.

Guru: *Mengapakah* ‘Aku’ tidak mendengar nasihat guru?

Murid: Kerana dia degil.

Murid: Tidak mahu mengikut peraturan.

Guru: *Jelaskan* bagaimanakah sikap ‘Aku’ setelah diselamatkan?

Murid: Dia rasa bersalah dan menginsaf.

Berdasarkan pelajaran 7 (Ekstrak 35), Guru C juga tidak menunjukkan banyak perbezaan jika dibandingkan dengan Guru A dan B. Hal ini kerana Guru C berdasarkan pelajaran 7 juga mengemukakan beberapa soalan aras kefahaman kepada murid. Setelah dikaji, mendapati bahawa guru-guru menyoal soalan berdasarkan maklum balas murid dan teks pemahaman. Jika ditinjau soalan Guru C seperti pelajaran 7 dalam petikan pemahaman di atas, banyak frasa tugas atau kata tanya yang dikategorikan sebagai aras soalan kefahaman Taksonomi Bloom (1956). Namun beberapa frasa tugas yang condong tidak terdapat dalam jadual soalan kefahaman, tetapi kata tanya tersebut membawa maksud soalan jenis kefahaman. Misalnya, bagi soalan ini “*Bagaimanakah* perasaan ‘Aku’ setelah tiba di sana?”, jawapannya “Sangat gembira”. Begitu juga dengan soalan ini.

Ekstrak 36: Guru C / Pelajaran 7

Guru: *Nyatakan bilangan murid yang menyertai aktiviti tersebut?*

Murid: Tiga puluh murid.

Murid: Empat puluh murid.

Guru: *Mengapakah ‘Aku’ sering bertanya untuk ke laut?*

Murid: Dia ingin bermandi-manda di laut.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru telah mengemukakan beberapa soalan aras kefahaman. Hal ini sama seperti yang dinyatakan oleh Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011), guru akan kerap mengajukan pelbagai soalan untuk menguji tahap kefahaman murid berkaitan dengan isi pengajaran.

Selain itu, interaksi verbal seperti pelajaran 8 (Ekstrak 37) berikut, jelas membuktikan tahap perkembangan sesi pengajaran yang menguji tahap pemikiran murid berdasarkan soalan aras rendah yang berkaitan dengan kefahaman.

Ekstrak 37: Guru C / Pelajaran 8

Guru : *Berapakah umur Firdaus?*

Murid : 10 tahun.

Guru : *Bagaimanakah kehidupan keluarga Firdaus?*

Murid : Miskin.

Guru : *Apakah pekerjaan ayah Firdaus?*

Murid : Bekerja sebagai petani.

Guru : *Jelaskan sikap ibu Firdaus?*

Murid : Beliau seorang penyayang.

- Guru :** *Adakah ibu Firdaus bekerja?*
- Murid : Tidak, suri rumah.
- Guru :** *Berapa orangkah adik beradik Firdaus?*
- Murid : 6 orang.
- Guru :** *Siapakah yang selalu memberi semangat kepada Firdaus?*
- Murid : Guru.
- Guru :** *Jelaskan maksud ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’?*
- Murid : Makan sekadar isi perut sahaja.
- Guru :** *Mengapakah kita perlu bersukan?*
- Murid : Badan menjadi cergas dan otak cerdas.
- Guru :** *Bagaimanakah cara Firdaus mencapai impiannya?*
- Murid : Belajar bersungguh-sungguh.
- Guru :** *Terangkan tekad Firdaus?*
- Murid : Tekadnya untuk mengubah nasib keluarganya.
- Guru :** *Apakah ingin dibuktikan oleh Firdaus?*
- Murid : Dia membuktikan bahawa kemiskinan bukan penghalang untuk mencapai kejayaan.
- Guru :** *Jelaskan perjanjian Firdaus untuk mencapai impiannya?*
- Murid : Belajar dengan gigih dan menjadi model yang terbaik kepada adik-adiknya.

Dalam interaksi verbal yang dipetik daripada Guru C dalam pelajaran 8, dapat melihat bahawa soalan seperti di atas lebih merujuk kepada jenis soalan aras rendah, iaitu soalan kefahaman berdasarkan tajuk petikan pemahaman “Miskin bukan penghalang kejayaan”. Guru mengemukakan soalan aras kefahaman mulai dari awal sehingga tamatnya proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, sebelum menyoal soalan berdasarkan petikan pemahaman, guru telah mengemukakan beberapa ‘soalan induksi’

dahulu untuk menjana idea murid. Misalnya, soalan pertama yang berbunyi seperti berikut menggalakkan murid untuk berfikir lebih aktif dan mendalam.

Ekstrak 38: Guru C / Pelajaran 8 (Soalan Induksi)
--

Guru : *Adakah anda mempunyai jadual waktu belajar?*

Murid : Ya, cikgu.

Guru : *Siapakah yang selalunya berjaya dalam pelajaran?*

Murid : Orang yang rajin belajar.

Guru : *Bolehkah orang miskin berjaya?*

Murid : Ya.

Ekstrak 39 : Guru C / Pelajaran 9
--

Guru: *Apakah tujuan program seni pertahanan diri diadakan?*

Murid: Mengajar belia cara mempertahankan diri.

Guru: *Terangkan kepentingan seni pertahanan diri?*

Murid: Pada masa dahulu, silat digunakan semasa peperangan.

Guru: *Mengapakah seni mempertahankan diri sesuai untuk peperangan?*

Murid: Masa dahulu tidak ada senjata.

Guru: *Apakah sebab utama seni pertahanan diri tidak diberi keutamaan pada masa sekarang?*

Murid: Ia diganti dengan aktiviti bersukan yang lain.

Guru: *Bagaimana seni pertahanan diri ini dapat menarik minat orang ramai?*

Murid: Ia dilakukan dalam bentuk pertandingan.

Guru: *Apakah perbezaan seni pertahanan diri, iaitu silat dengan jenis sukan yang lain?*

Murid: Silat ialah seni dan memerlukan gerakan jasmani yang secepat-cekapnya

dan selincih-lincuhnya.

Murid: Silat juga memerlukan latihan rohani yang tinggi.

Guru: *Bagaimana boleh membuktikan silat jenis sukan yang lain?*

Murid: Silat mengajar memerlukan latihan rohani yang tinggi.

Guru: *Apakah kebaikan daripada pembelajaran latihan ini?*

Murid: Belia kita terhindar daripada membuang masa secara sia-sia.

Guru: *Apakah tujuan mengadakan pertandingan seni pertahanan diri?*

Murid: Menarik minat orang ramai terhadap seni pertahanan diri.

Setelah bertanya beberapa soalan induksi, Guru C memulakan sesi penyoalan dengan mengemukakan kata tanya atau frasa tugas yang menggalakkan proses pemikiran untuk menjawab soalan berdasarkan tajuk seperti pelajaran 9 (Ekstrak 39). Buktinya, ‘*Jelaskan sikap ibu Firdaus?*’ atau ‘*Apakah ingin dibuktikan oleh Firdaus?*’. Kata tanya sedemikian jelas membawa maksud bahawa ia adalah soalan aras kefahaman. Begitu juga jika diteliti dengan soalan-soalan lain yang dinyatakan seperti dalam pelajaran 8 di atas.

Ekstrak 40: Guru C / Pelajaran 9 (Soalan Induksi)
--

Guru: *Siapakah di kalangan anda belajar seni mempertahankan diri?*

Murid: Tidak cikgu, tetapi rakan saya Ramli ada mempelajari seni mempertahankan diri, cikgu.

Guru: *Ramli adakah benar apa yang dikatakan oleh rakan kamu itu?*

Murid: Ya, cikgu. Saya, Ramu, Ah Ling serta adik saya mempelajari seni mempertahankan diri.

Sebenarnya, dalam pelajaran 9 (Ekstrak 40) di atas, guru mengemukakan soalan induksi kepada murid Tahun 6 sebelum memulakan soalan berdasarkan tajuk petikan pemahaman berbunyi 'Silat'. Hal ini kerana guru lebih gemar mengemukakan soalan induksi untuk menguji semula perkara yang telah mereka ketahui sebelum ini. Di samping itu, kebanyakan soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru hanya tergolong pada kategori yang menguji kefahaman murid mengenai petikan pemahaman seperti di atas. Kata tanya atau kosa kata yang berbunyi '*Apakah*', '*Terangkan*', '*Mengapakah*', '*Bagaimana*' jelas menggalakkan murid untuk memberi jawapan yang pendek ataupun hanya sepatah kata. Misalnya, '*Bagaimana*' boleh membuktikan silat jenis sukan yang lain? Jawabannya "Silat mengajar memerlukan latihan rohani yang tinggi". Guru juga telah menyoal soalan-soalan aras rendah ini mengikut situasi di mana soalan jenis ini sangat diperlukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran bertumpukan aras pemikiran.

4.10 Aras Aplikasi

Aras ini ialah aras yang menguji tahap keupayaan murid melalui konsep, teori, prinsip, hukum dan prosedur. Aras ini dapat mengenalpasti tahap kefahaman murid bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Soalan aras aplikasi biasanya terdiri daripada penggunaan proses aplikasi pemikiran. Soalan aras ini biasanya melibatkan tiga frasa, iaitu perkataan yang sering digunakan dalam soalan adalah seperti "selesaikan", "tunjukkan" dan "susunkan". Peringkat aplikasi akan menguji kebolehan calon menggunakan fakta asas, konsep, prinsip dan kemahiran yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah. Perkataan yang lazim digunakan adalah seperti di dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9: Kata Tanya Atau Kunci Aras Kognitif Soalan Aplikasi.

Rumus	Menyediakan	Gambarkan	Kumpulkan Data
Hasil	Mempersembahkan	Menerangkan	Temuduga
Aplikasi	Kirakan	Memilih	Menyediakan
Membuktikan	Menyiasat	Menukarkan	Rakaman
Menunjuk Cara	Mencari Maklumat	Berkaitan	Ramalkan
Binakan	Suaikan	Pilih	Mengembangkan
Mencontohi	Menyusun Semula	Menggambarkan	Memanipulasikan
Mengubahsuai	Selesaikan	Perbincangan	Menggunakan
Menyelesaikan	Menggunakan	Merancang	Mengambil
Perbincangan	Pertukaran	Anggaran	Mengalih Bahasa
Memanjangkan	Guna	Kaitkan	Carikan
Kemukakan	Selesaikan	Tentukan	Tunjukkan

Sebenarnya, melalui aktiviti soal jawab, murid-murid akan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka. Dalam hal ini, Guru A tidak memberi keutamaan untuk menggunakan soalan aras aplikasi ketika proses penyoalan dalam kalangan murid Tahun 4. Mengikut analisis soalan pelajaran 1 tajuk pemahaman yang berbunyi ‘utamakan kebersihan diri dan persekitaran’, guru tidak menyoal soalan aras aplikasi berbanding dengan soalan aras pengetahuan dan aras kefahaman yang meliputi lebih daripada 10 soalan. Kajian ini juga mendapati kedua-dua guru banyak menggunakan soalan aras pengetahuan dan kefahaman tentang tajuk yang dipelajari. Dapatan kajian ini sama dengan dapatan Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011) yang mendapati guru menumpukan soalan aras rendah dan sederhana berbanding soalan aras tinggi. Sepanjang pelajaran 2, Guru A hanya menyoal 2 soalan aplikasi iaitu ‘*Apakah* punca kemalangan tersebut?’ dan diikuti dengan soalan kedua ‘*Apakah* yang terjadi selepas tayar hadapan treler meletup?’. Soalan ini memerlukan murid memahami konsep secara teliti dari petikan pemahaman.

Ekstrak 41: Guru A / Pelajaran 2

Guru : **Apakah punca kemalangan tersebut?**

Murid : Kecuaian pemandu lori.

Guru : **Apakah yang terjadi selepas tayar hadapan treler meletup?**

Murid : Lori melanggar kereta dari arah bertentangan.

Murid : Pemandu lori tak dapat mengawal lori.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati ketiga-tiga orang guru tidak banyak menggunakan soalan aras aplikasi kecuali dua soalan daripada pelajaran 2 (Ekstrak 41). Guru-guru lebih cenderung mengajukan soalan aras rendah, iaitu aras pengetahuan dan aras kefahaman terhadap topik yang diajarnya. Mengikut kajian ini, dalam pelajaran 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9, tidak ada soalan aras aplikasi dikemukakan oleh guru.

4.11 Aras Analisis

Pada peringkat ini, guru akan menguji kebolehan murid dengan membuat perbandingan dan mengenalpasti apa perbezaan, persamaan dan perhubungan. Aras ini mengkehendaki murid untuk mengkaji dan menganalisis sesuatu perkara kepada unsur-unsur kecil dan menyatakan perkaitan antara unsur-unsur di dalamnya. Aras ini juga dapat mengenalpasti tahap keupayaan murid dalam memahami unsur dan struktur. Murid perlu mencari bukti untuk menyokong unsur yang sedia ada. Aras kedua adalah analisis hubungan iaitu membuat perkaitan bahan bukti dengan menggunakan kaedah hipotesis. Ketiga adalah aras analisis iaitu murid dikehendaki menyatakan prinsip sesuatu organisasi yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu dengan menganalisis tujuan, pandangan dan pendirian. Soalan ini memerlukan daya pemikiran yang kritis tetapi bukan mengulang pengetahuan yang dipelajari. Berikut adalah frasa tugas atau kata tanya yang kerap digunakan. Ini dapat dilihat di dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Kata Tanya Atau Kata Tanya Aras Kognitif Soalan Analisis

Tunjukkan	Membentuk	Menyebab
Menjumpai	Membezakan	Mengkritik
Kumpulan	Mengenalpasti	Mengelaskan
Kategori	Klasifikasi	Perubahan
Kategorikan	Membahagikan	Menemui
Merumuskan	Analisis	Mencari
Buktikan	Kajian	Bandingkan
Kaitkan	Sebab	Menggalakkan

Secara keseluruhannya, didapati guru mengajukan soalan aras pengetahuan dan aras kefahaman yang banyak jika berbanding dengan soalan analisis di sini. Hal ini kerana guru lebih gemar menggunakan soalan aras rendah jika berbanding dengan soalan aras tinggi. Setelah berbincang dan temubual guru tentang penggunaan soalan dalam kalangan murid, jelas terbukti bahawa guru lebih mesra dan lebih mudah menggunakan soalan aras rendah dalam kalangan murid. Dalam hal ini, guru hanya menggunakan soalan aras analisis dalam tiga pelajaran sahaja, iaitu di pelajaran 3, soalan yang berbunyi “Nyatakan kepentingan kesusasteraan kepada generasi kini”. Setelah bertanya soalan ini, maka Murid 1 menjawab “Dapat menghayati Bahasa Malaysia” manakala Murid 2 menjawab “Mendapat pengetahuan tentang karya sastera”, dan akhirnya Murid 3 menjawab “Kesusasteraan dapat menenangkan fikiran”. Begitu juga dalam situasi yang sama di mana Guru B dalam pelajaran 5 bertanya soalan berikut untuk tajuk “Kuih Bulan Istimewa” dan pelajaran 6 yang bertajuk “Alia”. Setelah menganalisis soalan secara keseluruhan, didapati guru gagal bertanya soalan aras tinggi seperti soalan aras rendah yang menunjukkan jumlah soalan lebih daripada 5 soalan dalam setiap pelajaran supaya mudah difahami oleh murid. Misalnya, soalan yang dikemukakan dalam pelajaran 5 di bawah telah diambilkira sebagai soalan analisis atau aras tinggi. Frasa tanya yang berbunyi “Pada pendapat anda...” dan “Anda sebagai seorang murid, apakah yang perlu.....” telah mencungkil daya pemikiran murid untuk menjawab soalan guru.

Setelah meneliti keseluruhan soalan guru, maka didapati soalan analisis hanya terdapat dalam tiga pelajaran sahaja.

Ekstrak 42: Guru B / Pelajaran 5

Guru : *Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi kejayaan-kejayaan seperti ini?*

Murid : Ketekunan, kerajinan.

Guru : *Anda sebagai seorang murid, apakah yang perlu anda lakukan untuk mencapai kejayaan seperti ini pada masa hadapan?*

Murid : Perlu berusaha bersungguh-sungguh.

Ekstrak 43: Guru B / Pelajaran 6

Guru : *Adakah Alia sorang anak yang bertanggungjawab? Mengapa?*

Murid : Ya. Kerana Aliah mengambil berat tentang ibu bapa.

4.12 Aras Sintesis

Aras yang seterusnya ialah aras sintesis. Aras ini dapat melihat keupayaan murid untuk menggabungkan sesuatu struktur dengan lebih jelas. Aras sintesis bermaksud keupayaan menggabungkan unsur dan bahagian sesuatu dokumen itu menjadi lebih teratur dan berstruktur. Walaubagaimanapun, melalui perkara ini, guru menggunakan beberapa frasa tugas atau frasa tanya yang membawa maksud hampir sama dengan frasa tugas seperti dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11: Kata Tanya atau Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Sintesis.

Mengulangi	Mentafsirkan	Meramalkan
Mengumpul	Buktikan	Mengumpulkan
Menggabungkan	Menyusun semula	Cadangkan
Menghasilkan	Menulis semula	Menjelaskan
Memadankan	Memberi cadangan	Menghantar
Menerangkan	Simpulkan	Bersedia
Menguruskan	Mengkategori	Membentukkan

Soalan aras sintesis merangsang daya pemikiran murid ke arah yang lebih kreatif dalam membuat penilaian serta mempertimbangkan sesuatu perkara. Murid juga haruslah menghasilkan, mencantumkan, menggabungkan, mengintegrasikan fakta yang berkaitan. Misalnya, Guru A menyoal soalan dalam pelajaran 1 (Ekstrak 44) seperti di bawah yang ingin bertanya tentang usaha mengelakkan serangga perosak membiak di kawasan rumah. Maka untuk soalan yang sedemikian, murid perlu mengumpul idea atau jawapan yang rasional setelah memikirkan jawapannya. Sampel soalan adalah seperti pelajaran 1 di bawah, “Utamakan Kebersihan Diri Dan Persekitaran”. Begitu juga dalam pelajaran 3 (Ekstrak 45), guru menyoal soalan aras tinggi terhadap murid Tahun 6 bagi tajuk “Kesusasteraan”. Guru bertanya soalan sebegini, dari bahagian pertengahan sehingga tamatnya proses pengajaran dan pembelajaran.

Ekstrak 44: Guru A / Pelajaran 1

- Guru :** *Apakah yang harus kita lakukan untuk mengelakkan serangga perosak membiak di kawasan rumah kita?*
- Murid :** Sentiasa menjaga kebersihan.
- Murid :** Mencuci atau membasuh rumah pada setiap minggu sekali.

Ekstrak 45: Guru A / Pelajaran 3

Guru : *Perlukah perkhemahan seperti ini wajar dianjurkan di setiap sekolah?*

Murid : Perlu.

Guru : *Berikan pendapat kamu tentang perkhemahan ini?*

Murid : Dapat meluangkan masa dengan berfaedah dan rasa gembira.

Dalam perbualan yang dipetik daripada pelajaran 4, guru mengemukakan 1 soalan, pelajaran 6 pula telah guru mengemukakan 2 soalan dan diikuti dalam pelajaran 7 sebanyak 3 soalan. Manakala, pelajaran 9 hanya satu soalan aras tinggi. Keadaan ini membuktikan bahawa guru tidak banyak mengajukan soalan aras tinggi. Soalan yang diajukan oleh guru didapati mencatatkan penurunan atau kurang apabila aras kognitifnya semakin meningkat.

Ekstrak 46: Guru B / Pelajaran 4

Guru : *Nyatakan sebab murid-murid perlu patuh pada arahan guru?*

Murid : Untuk mengelakkan berlaku kecederaan.

Murid : Perlu mengikut nasihat guru.

Guru : *Kemukakan jika murid tidak patuh pada arahan guru?*

Murid : Cikgu akan marah.

Murid : Cikgu akan mengambil tindakan.

Ekstrak 47: Guru C / Pelajaran 7

Guru : *Pada pendapat anda, apakah pengajaran daripada cerita tersebut?*

Murid : Perlu mengikut peraturan yang ditetapkan.

Murid : Harus mendengar nasihat cikgu.

Ekstrak 48: Guru C / Pelajaran 9

Guru : *Pada pendapat anda, apakah kepentingan seni silat kepada golongan wanita?*

Murid : Dapat mempertahankan diri daripada lelaki.

4.13 Aras Penilaian

Aras ini akan menguji keupayaan murid dalam menilai sesuatu perkara berasaskan ciri-ciri yang telah ditetapkan. Murid perlu membuat pertimbangan tentang nilai sesuatu pandangan dan pendapat untuk mencari penyelesaian tentang bahan sesuatu pandangan atau sebagainya. Pertimbangan ini dibuat berdasarkan kepada piawaian tertentu seperti tepat, berkesan, memuaskan, baik, buruk dan lain-lain. Ciri-ciri khusus aras penilaian ini adalah murid perlu membuat pertimbangan nilai ke atas sesuatu bahan, idea, kaedah bagi sesuatu tujuan. Membuat penelitian dan pertimbangkan sejauh mana sesuatu bahan atau kaedah memenuhi sesuatu kriteria. Pertimbangan dalam penilaian juga dikategorikan kepada dua, iaitu pertimbangan dari segi bukti dalaman iaitu menilai ketepatan sesuatu, menggunakan bukti-bukti logik, ketekalan dan lain-lain. Contoh kebolehan menunjukkan kesilapan-kesilapan dari segi logik dalam sesuatu hujah yang dikemukakan oleh seseorang. Kategori kedua adalah pertimbangan dari segi kriteria luaran, iaitu penilaian bahan yang merujuk kepada beberapa kriteria yang dipilih atau yang diingati. Contohnya, perbandingan mengenai teori-teori utama, generalisasi dan

fakta mengenai kebudayaan tertentu. Walaubagaimanapun, dalam hal ini, guru menggunakan beberapa frasa tugas atau frasa tanya yang membawa maksud hampir sama dengan frasa tugas seperti dalam Jadual 4.12 yang berikut:

Jadual 4.12: Kata Tanya atau Frasa Tugas Aras Kognitif Soalan Penilaian.

Memilih	Mempertahankan	Mengukur
Memberi	Menyamakan	Ulaskan
Perbandingan	Kesimpulan	Nilaikan
Beri	Rumuskan	Justifikasi
Menilai	Membuktikan	Mengkritik
Tafsirkan	Pertimbangkan	Beri pendapat
Menguji	Sejauh mana	Bandingkan
Hubungkan	Bincangkan	

Ekstrak 49: Guru B / Pelajaran 4

Guru : *Wajarkah* kegiatan-kegiatan seperti ini perlu dianjurkan kepada murid sekolah? Mengapa?

Murid : Ya.

Murid : Dapat meningkatkan semangat Bahasa Malaysia.

Guru : *Sekiranya* anda diberi peluang untuk mengikuti perkhemahan seperti berikut, apakah perasaan serta reaksi anda?

Murid : Gembira, cikgu.

Murid : Mesti seronok.

Murid : Saya mesti setuju.

Ekstrak 50: Guru C / Pelajaran 9

Guru : *Sejauh manakah anda bersetuju pembelajaran seni silat akan menjadikan belia yang sihat?*

Murid : Ya. Kerana silat mengajar belia supaya sentiasa berwaspada, berbadan dan berfikiran sihat serta menanam disiplin yang ketat dalam diri mereka.

Jika dianalisis kedua-dua komunikasi verbal pelajaran ini, jelas menunjukkan bahawa guru telah menggunakan kreativitinya untuk menghubungkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan isi pengajaran. Kajian ini selaras dengan Supramani (2006), yang menyatakan bahawa jika guru menghadkan perbincangannya hanya pada apa yang terkandung dalam petikan bacaan, maka tidak akan terhasilnya maklum balas murid yang asli.

4.14 Kesimpulan

Walaupun ketiga-tiga orang guru telah menggunakan bacaan dan kefahaman, tetapi bilangan dan peratus soalan yang dikemukakan oleh mereka mengikut setiap kategori didapati berbeza. Secara keseluruhannya, terdapat trend atau corak yang jelas kelihatan dalam penyoalan mereka ialah semakin tinggi aras kognitifnya, semakin berkurangan bilangan soalnya. Guru ini juga didapati mahir menggunakan teknik-teknik penyoalan. Kebolehan menghubungkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan isi kandungan petikan bacaan, penggunaan soalan susulan (probing), menggalakkan murid berinteraksi dengan lebih luas (widen students' participation) semasa perbincangan, menstrukturkan semula (rephrasing) soalan supaya menjadi lebih jelas, memberi petunjuk atau pembayang (cues) dan membuat kenyataan-kenyataan (statement) tertentu adalah antara teknik-teknik penyoalan yang amat penting dikuasai bagi penyoalan yang efektif. Guru juga harus bijak mengimbangi penggunaan soalan aras kognitif Bloom

yang bersesuaian dengan tahap pencapaian murid bagi mencapai objektif-objektif tertentu. Kajian ini mendapati guru Bahasa Melayu jarang bertanya soalan aras tinggi walaupun murid sanggup menjawab soalan aras tinggi ketika menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Kesimpulan yang dapat dinyatakan tentang soalan aras rendah yang diajukan oleh guru ialah murid dapat menjawab tanpa berfikir panjang. Kesemua barisan guru yang mengajar Bahasa Melayu ini didapati kurang mengajukan soalan pada aras tinggi untuk menguji kemahiran berfikir murid. Dapatan kajian Roselan (2001), mendapati interaksi lisan yang berlaku di dalam kelas seperti penggunaan penyoalan guru menunjukkan guru lebih banyak mengemukakan soalan pada aras rendah. Pengkaji mendapati, walaupun pengajaran guru berfokuskan murid dan memerlukan interaksi dua hala, guru tidak bijak menggunakan peluang yang ada untuk mengemukakan soalan yang berada pada aras tinggi.

BAB 5

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan merumuskan dapatan utama yang telah dibentang dalam Bab 4. Bab ini menfokuskan kepada aspek yang meliputi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, kesan kajian, dan cadangan kajian lanjutan.

5.1 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah setiap kategori soalan dan frasa tanya atau kata tugas digunakan dalam pengajaran guru semasa aktiviti pengajaran dalam pembelajaran Bahasa Melayu bagi Tahun 4, 5, dan 6 berdasarkan Aras Kognitif Soalan Taksonomi Bloom (1956). Data kajian telah dianalisis untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut. Hasil analisis data menunjukkan penyoalan guru A, B dan C mempunyai persamaan daripada segi penggunaan aras kognitif soalan. Oleh itu, dapatan kajian dirumuskan mengikut persoalan kajian berikut:

- i. Berapakah kekerapan soalan yang dikemukakan oleh guru Bahasa Melayu mengikut setiap aras kognitif Taksonomi Bloom?
- ii. Apakah kata tanya atau frasa tugas yang digunakan mengikut setiap aras kognitif Taksonomi Bloom?

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji aras kognitif soalan guru berdasarkan Taksonomi Bloom (1956). Ketiga-tiga orang guru yang menjadi sampel kajian ini berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan. Interaksi guru dan murid semasa pengajaran dan

pembelajaran Bahasa Melayu telah digunakan sebagai data utama kajian ini. Data tersebut dianalisis untuk mengkaji aras kognitif soalan guru berdasarkan Taksonomi Bloom (1956). Selain itu, kata tanya dan frasa tugas yang telah digunakan oleh guru dalam soalnya, dikaji untuk melihat jenis aras pemikiran yang dihasilkannya.

Data yang dianalisis dalam Bab 4 menunjukkan ketiga-tiga guru tidak menggunakan bilangan soalan yang seimbang mengikut setiap aras kognitif Taksonomi Bloom (1956). Selain itu, kata tanya dan frasa tugas yang telah digunakan oleh guru juga berbeza mengikut setiap aras kognitif. Setelah dianalisis soalan-soalan guru, didapati guru-guru lebih banyak menggunakan soalan-soalan aras kognitif rendah daripada soalan-soalan aras tinggi yang mencabar pemikiran murid. Analisis guru juga menunjukkan teknik penyoalan ketiga-tiga guru adalah tidak sama dan sentiasa berbeza serta berubah-ubah. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 4.1 yang memaparkan jumlah soalan dan aras kognitif soalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Jumlah soalan yang ditanya oleh ketiga-tiga guru adalah sebanyak 155 soalan. Daripada jumlah tersebut, soalan aras pengetahuan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga guru adalah sebanyak 34 yang mewakili 21.9%. Secara umumnya, soalan aras pengetahuan memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri secara aktif dan membantu menguji tahap kebolehan pemikiran mereka. Dalam analisis ini, didapati pengaplikasian frasa tanya atau frasa tugas memainkan peranan untuk menjustifikasikan tahap pemikiran murid. Guru-guru lebih gemar menggunakan kata tanya seperti berikut untuk mendapat maklum balas daripada murid.

**Jadual 5.1 Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas Aras Pengetahuan Yang
Telah Digunakan Oleh Guru.**

Siapakah	Berapakah	Perlukah
Namakan	Di manakah	Adakah
Tuliskan	Jelaskan maksud	Pernahkah
Berapa ramai	Mengapakah	Benarkah
Nyatakan		

Ini bermaksud penyoalan berdasarkan frasa tanya dan frasa tugas melibatkan murid hanya mengingati semula maklumat yang sedia tersimpan dalam minda yang terkandung dalam petikan yang dibaca.

Selain itu, guru telah mengemukakan sebanyak 99 soalan aras kefahaman yang merupakan 63.9% daripada jumlah soalan. Ini membuktikan bahawa guru-guru menggunakan lebih banyak soalan aras kefahaman daripada soalan aras-aras lain dalam pengajaran bacaan dan pemahaman. Hasil temubual dengan guru-guru juga menunjukkan mereka lebih gemar menggunakan soalan aras kefahaman. Menurut Noor Rohana Mansor (2009), soalan aras rendah membantu murid untuk mengingat kembali pengetahuan lepas dan mengaitkannya dengan muridan yang akan dipelajari. Aras kognitif ini menguji pemahaman dan kebolehan murid untuk menginterpretasikan bahan yang dipelajari. Frasa tanya atau frasa tugas yang digunakan oleh guru dalam sesi penyoalan adalah seperti berikut:

**Jadual 5.2 Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas Aras Kefahaman Yang Telah
Digunakan Oleh Guru.**

Berikan contoh	Mengapa	Terangkan maksud
Senaraikan	Bilakah	Gambarkan
Apa cara	Beberapa	Huraikan
Bagaimanakah	Manakah	Jelaskan
Apa tindakan	Nyatakan tujuan	Bincangkan

Frasa tanya atau frasa tugas memainkan peranan penting untuk menentukan soalan sama ada ia dalam soalan aras tinggi atau aras rendah. Ketika melakukan analisis soalan, jelas memperlihatkan bahawa guru lebih mementingkan soalan yang berdasarkan menguji kebolehan dan kefahaman murid. Di dalam kelas, guru mengemukakan soalan aras pengetahuan supaya murid-murid mengenali fakta. Manakala soalan kefahaman dikemukakan supaya murid-murid dapat memberi maksud atau penjelasan terhadap soalan petikan tentang perkara-perkara yang terkandung dalam petikan pemahaman.

Dalam kajian ini, juga didapati guru tidak mengemukakan sebarang soalan aplikasi yang menggalakkan murid untuk menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari di suatu situasi baru.

Kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru kurang mengemukakan soalan aras kognitif 'analisis'. Didapati guru-guru hanya mengemukakan 9 soalan yang mewakili 5.8% daripada jumlah soalan dalam kajian ini. Melalui data temubual dengan ketiga-tiga guru juga telah membuktikan perkara ini. Selain itu, semasa mengemukakan soalan analisis, guru menggunakan beberapa kata tanya atau frasa tugas untuk mencungkil daya pemikiran murid. Antara kata tanya atau frasa tugas yang dikemukakan oleh ketiga-tiga guru adalah seperti dalam jadual 5.3.

Jadual 5.3 Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas Aras Analisis yang Digunakan Oleh Guru

Nyatakan Pada pendapat anda Apakah perasaan

Walaupun jumlah soalan aras analisis ini agak kurang, tetapi guru-guru telah menggunakannya untuk menjana idea atau mencungkil jawapan yang rasional daripada murid.

Soalan-soalan aras sintesis juga menjadi penting untuk menggalakkan pemikiran aras tinggi berdasarkan Taksonomi Bloom (1956). Soalan aras sintesis hanya mencapai 7.1% sahaja jika dibandingkan dengan aras soalan kefahaman yang mencatat sebanyak 63.9%. Hasil data ini memberikan gambaran bahawa guru A, B dan C telah memberi tumpuan agak tinggi dalam penggunaan soalan aras rendah berbanding soalan aras tinggi. Antara frasa tanya atau frasa tugas yang sering digunakan oleh guru semasa mengemukakan soalan sintesis adalah seperti dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4 Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas Aras Sintesis Yang Digunakan Oleh Guru.

Perlukah	Ramalkan kejadian
Berikan pendapat kamu	Nyatakan sebab
Pada pendapat kamu	Terangkan
Nyatakan	

Data kajian menunjukkan bahawa guru-guru sangat kurang menggunakan soalan aras penilaian. Ini terbukti dengan hanya 2 soalan (1.3%) yang dikemukakan oleh guru A dan B adalah soalan aras penilaian. Guru kurang menyoal soalan aras tinggi atau soalan yang merangsang dan mencungkil fikiran murid. Contoh frasa tanya atau kata tanya mengikut aras penilaian adalah seperti Jadual 5.5.

**Jadual 5.5 Senarai Kata Tanya Dan Frasa Tugas Aras Penilaian Yang
Digunakan Oleh Guru.**

Wajarkah Sejauh manakah

Murid harus membuat pertimbangan terhadap sesuatu idea hasil kerja penyelesaian. Namun peringkat ini adalah peringkat yang tertinggi dan digunakan untuk menguji kebolehan murid dan menolong murid-murid berfikir secara mendalam untuk memahami sesuatu fakta, konsep, dengan lebih jelas lagi.

Secara keseluruhannya, objektif soalan kedua iaitu, ***‘mengkaji jenis frasa tanya atau kata tugas yang menggalakkan pelbagai aras pemikiran murid’*** telah membuktikan tahap pemahaman murid melalui respon dan penyoalan guru masing-masing. Hal ini kerana guru hanya menyoal soalan berdasarkan tajuk atau melalui respon. Misalnya, kata tanya seperti *siapa, apa, bila, mana* atau kata tugas seperti *namakan, berikan, nyatakan, terangkan* dan *senaraikan* telah menjadi kata utama dalam proses penyoalan guru. Semua kata ini telahpun dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4. Hasil daripada kajian ini juga didapati bahawa frasa tanya atau kata tugas memainkan peranan penting bagi menentukan jenis soalan mengikut aras Taksonomi Bloom (1956). Penggunaan frasa tanya atau frasa tugas dalam kalangan guru, membantu murid untuk menggalakkan pelbagai aras pemikiran. Secara ringkasnya, boleh dikatakan bahawa guru-guru dalam penyelidikan ini lebih selesa dan gemar untuk menggunakan kata tanya atau frasa tanya yang menggalakkan pemikiran aras rendah. Kajian ini juga telah membuktikan dan menyokong dapatan kajian Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011).

Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa pengetahuan yang mendalam mengenai frasa tanya atau kata tugas akan memberi kesan positif dalam pembelajaran seseorang individu. Frasa tanya atau kata tugas yang tertentu dalam soalan guru akan menghasilkan maklum balas yang tertentu dalam kalangan murid. Ini kerana tahap keupayaan berfikir murid mempunyai pertalian baik dengan kata tugas atau frasa tanya dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Noor Rohana Mansor (2007), tanggungjawab pendidik adalah membekalkan murid dengan ilmu dan kemahiran serta merangsang minda mereka ke arah penguasaan kemahiran berfikir dengan berkesan. Maka, penyoalan yang efektif akan mencungkil proses pemikiran dan respon murid yang boleh mengadaptasikan pemerolehan ilmu dengan situasi sebenar.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini dapat membantu mengesan jenis kategori dan cara sesebuah soalan itu dikemukakan serta mengkaji jenis frasa tanya atau frasa tugas yang digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran bacaan dan pemahaman murid Tahun 4, 5 dan 6. Hal ini kerana kategori penyoalan juga memainkan peranan penting untuk menggerakkan murid berfikir pada pelbagai tahap pemikiran.

Penyelidikan ini akan memberi maklumat yang berguna kepada semua guru Bahasa Melayu, khususnya yang ingin melakukan perubahan dalam penyoalan ketika mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan murid. Hal ini akan memberi manfaat kepada guru dalam membentuk intelek murid daripada aras pemikiran rendah ke tahap pemikiran yang lebih berkualiti, iaitu untuk memperoleh hasil pemikiran yang kritis, kreatif dan inovatif.

Selain itu, kajian ini akan memberi kesan kepada semua pendidik yang terdiri daripada guru sekolah rendah dan sekolah menengah yang meliputi semua kategori soalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut pendapat Noor Rohana Mansor (2007), pendidik yang berkesan akan dapat membentuk dan membimbing murid ke arah pemerolehan dan penggunaan ilmu dengan baik. Tambahan pula, tanggungjawab guru adalah membekalkan murid dengan ilmu dan merangsang minda agar dapat memberikan respon yang baik dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Setelah meneliti semua hasil kajian, pengkaji memberikan cadangan agar dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji yang lain.

Kajian ini hanya menggunakan bilangan guru yang kecil, iaitu 3 orang dan 9 sesi pengajaran. Untuk kajian lanjutan dicadangkan bilangan sampel ditambah untuk mengkaji keberkesanan aras kognitif soalan.

Kajian ini hanya mengkaji aras kognitif soalan berdasarkan Taksonomi Bloom (1956) dalam kalangan murid Tahun 4, 5 dan 6 di sebuah sekolah kebangsaan sahaja. Oleh yang demikian, dicadangkan supaya penyelidikan perlu diluaskan dengan mengkaji lebih daripada sebuah sekolah.

Kajian ini, hanya tertumpu pada murid Tahap 2 sahaja. Oleh yang demikian, penyelidik mencadangkan agar pada masa hadapan, penyelidikan dijalankan dengan membuat perbandingan di antara Tahap 1 dan 2 dalam mata pelajaran berlainan, seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Cina agar memperoleh perbezaan yang lebih ketara dan jelas. Perkara ini akan mendorong untuk melihat kecekapan kefahaman aras

kognitif soalan dan mengkaji perbandingan dan persamaan penyoalan dalam kalangan murid. Dalam melaksanakan serta menjayakan penyelidikan ini, guru menjadi tunggak utama dalam melaksanakan dan menilai sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran itu, sekaligus murid akan mencapai objektif pengajaran seperti yang dirancang.

5.5 Kesimpulan

Kajian ini memperlihatkan penyoalan merupakan perkara penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Oleh itu, dapatan kajian menyimpulkan guru-guru sering menggunakan lebih banyak soalan aras rendah berbanding dengan aras tinggi. Penggunaan ‘kata tanya’ atau ‘frasa tugas’ berbentuk kefahaman atau aras rendah banyak dikenalpasti dalam kajian ini. Proses ini membuktikan bahawa guru-guru lebih mesra menggunakan soalan aras rendah kepada murid Tahap dua di sekolah rendah.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2008). Tatabahasa Pedagogi Untuk Sekolah Menengah. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Kassim dan Meor Ibrahim Kamruddin. (2006). “Ke Arah Pengajaran Sains dan Matematik Berkesan”. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. (Tidak diterbitkan)
- Afandi Bin Kamaruzaman, Mohd Yusrizal Bin Mohd Noor, Barharudin Bin Zainal Abidin Muhammad Zaini Bin Othman (2012, Mac). Aras Pemikiran. [Teaching Resource] (Tidak diterbitkan): UTM, Skudai, Johor.
- Asraf. (2007). Siri Penataran Bahasa Dan Sastera: Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Balakrishnan Govinthasamy. (2002). *Penilaian pelaksanaan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) dalam mata pelajaran sejarah KBSM tingkatan empat: Satu kajian kes di Daerah Tampin dan Rembau Negeri Sembilan*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Barret, B. (1972). *Taxonomy of Reading Comprehension*. Lexington: Ginn and Company.
- Bloom, B.S (ed). (1956). *Taxanomy of Educational Objective handbook I: Cognitive Domain*. New York: David McKay.
- Brown, G.A dan Edmondson, R. (1989). ‘Asking questions’, in Wragg, E.C. (ed.) *Classroom Teaching Skills*. London: Routledge.
- Brown, G. & Wragg, E.C. (1993). *Questioning*. London: Routledge.
- Brown, G. & Wragg, E.C. (2001). *Questioning in the primary school*. New York: Routledge Falmer.

- Chiappetta, E.L. (1997). *Inquiry-based science. Strategies and techniques for encouraging inquiry in the classroom. The Science Teacher*. 64(7), 22-26. United States: IOP Publishing Ltd.
- Chua Y.P. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education (M) Sdn.Bhd.
- Cole, R.A. & William, D.M. (1973). Pupil responses to Teacher's questions. *Cognitive level, length and syntax*, Educational Leadership, 31, 142-145.
- Cropley, A.J. (1999). *Creativity & cognition: Producing effective novelty. Roeper Review*, 21(4), 253-261. India: Taylor & Francis.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.). Boston: Pearson.
- D'Angelo, K. & Mahlios, M. (1983). Insertion and Omission Miscues of Good and Poor Readers. *The Reading Teacher*, 36(8), 778-782. United States.
- Dillashaw, F.G. & Okey, J.R. (1980). Test of the integrated science process skills for secondary science students. *Science Education*, 64(5), 601-608. John Wiley & Sons Inc.
- Dillon, J.T. (1981). Duration of response to teacher's questions and statements. *Contemporary Educational Psychology*, 6, 1-11. University of California USA: Elsevier Inc.
- Eby, J.W. (1998). *Reflective Planning, Teaching, and Evaluation: K-12* (2nd ed.). New Jersey: Merrill Prentice-Hall.
- Fraenkel, R. (1986). *Helping students to think and value strategic for teaching social study*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Kindsvatter, R., Wilen, W., & Ishler, M. (1992). *Dynamics Of Effective Teaching* (2nd ed.). New York: Longman.
- Krathwohl, D. R. (1964). *Taxonomy of educational objectives: Affective Domain*.

New York: David McKay.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). (2010). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lamberg, W. & Lamb, C. (1980). *Reading instruction in the content areas*. Boston: Houghton Mifflin Co.

Levin, T. & Long, R. (1981). *Effective instruction*. Washington, DC: Association for Supervision and Curriculum Development.

Menke, D. J., & Pressley, M. (1994). Elaborative interrogation: Using "why" questions to enhance the learning from text [Electronic version]. *Journal of Reading*, 37(8), 642-645. International Reading Association.

M. Mojibur Rahman. (2010). *Teaching oral communication skills: A task based approach*. ESP. World Issue, 1 (27): 1-11. Retrieved April 29, 2010, from <http://www.esp.world.info>

Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos. (2008). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah: Kaedah dan Strategi*. Kajang: Masa Enterprise.

Mohammad Yusof Arshad & Fatimah Zaharah Binti Seman. (2011). Analisis Item Soalan Matematik Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2003, 2004, 2005 Dan 2006 Mengikut Domain Kognitif Taksonomi Bloom. Unspecified, 1-9. (Tidak diterbitkan)

Mook Soon Sang, (1992). *"Pedagogi 2: Strategi Pengajaran dan Pembelajaran"*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said Ambotang, dan Shukri Zain. (2012). *Pengajaran dan penyampaian yang berkesan*. Utusan Borneo, B4.

Muhundhan a/l Mayappan. (2002). *Aplikasi kemahiran berfikir melalui kaedah*

